

"DARIPADA Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Tidak akan berlaku kiamat sehingga diangkat ilmu, banyaknya berlaku gempa, masa berlalu dengan pantas, terzahirnya fitnah-fitnah dan banyaknya pembunuhan".
(Hadis Riwayat Imam Bukhari).



KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP

Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri dan Kerjasama, Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Bendito dos Santos Freitas.

Tuan Yang Terutama Bendito dos Santos Freitas berada di negara ini bagi mengadakan lawatan selama dua hari untuk menyampaikan penghargaan atas sokongan padu Negara Brunei Darussalam (NBD) terhadap keahlian Timor-Leste dalam ASEAN, di mana Timor-Leste bakal menjadi Negara Ahli ASEAN Ke-11 secara rasmi semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 yang akan diadakan pada 26 Oktober 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia.

>> Muka 2



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri dan Kerjasama, Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Bendito dos Santos Freitas. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.

Ambil langkah tegas tangani ancaman liberalisme

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Oktober. — Kita dan Islam sebenarnya sedang dilanda oleh satu bentuk perubahan berbahaya di bawah pengaruh falsafah liberalisme.

Liberalisme ini sedang berkembang pesat dan telah pun memasuki seluruh bidang kehidupan, seperti liberalisme ekonomi, liberalisme politik, liberalisme budaya dan

liberalisme agama.

Demikian tegas Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dalam ucapannya pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Ke-14, Tahun 2025 (ICON IMAD XIV 2025) yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan

Haji Hassanal Bolkiah.

Terdahulu, Yang Berhormat Mufti Kerajaan berucap, tema persidangan tahun ini, 'Islam di Alam Melayu : Keilmuan Islam dalam Mendepani Cabaran Kecerdasan Buatan (AI)' amat bertepatan dengan keperluan semasa dalam menghadapi cabaran perubahan zaman.

>> Muka 5

AI, platform penyebaran ilmu, informasi dengan cepat, tuntas

Oleh : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Oktober. - Bersempena Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Ke-14 (ICON IMAD XIV 2025), beberapa pembentangan kertas kerja ucapnama mengambil tempat di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir semasa sesi pembentangan berkenaan ialah Rektor Universiti Islam

Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Sesi pembentangan ucapnama ini menjadi wadah medan perbincangan terbuka bagi para ilmuwan dalam membincangkan peranan utama agama Islam dalam pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh bangsa Melayu selama ini.

Sejarah merekodkan ketamadunan

bangsa Melayu yang dibangunkan itu bertitik tolak daripada ajaran Islam yang menjadi tunggak dan panduan. Justeru, perkembangan ini menjadikan Asia Tenggara terkenal sebagai antara pusat pengembangan Islam yang progresif yang telah melahirkan ramai ulama dan tokoh Islam yang terkenal.

>> Muka 9



LAWATAN memperkukuh jalinan, eratkan silaturahim

Muka 9



45 pelatih tamat Program Jati Diri Kohort 9

Muka 11



KELESTARIAN@PB : memperkukuh nilai kelestarian dalam kehidupan

Muka 19



BRUNEI beroleh keberkatan luar biasa, ditatang dengan sedekah

Muka 20

Kebawah DYMM berkenan menerima mengadap

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Luar Negeri dan Kerjasama, Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Bendito dos Santos Freitas pada majlis yang berlangsung di Istana Nurul Iman (kiri dan kanan).

>> Muka 1

TYT Bendito dos Santos Freitas sebelum ini juga telah mengadakan lawatan ke beberapa Negara Anggota ASEAN lain, termasuk Viet Nam dan Myanmar.

Dalam hubungan dua hala, NBD dan Republik Demokratik Timor-Leste menjalin hubungan persahabatan yang mesra, disokong oleh kerjasama baik dalam bidang pendidikan, kesihatan dan pertukaran antara rakyat.

Menyertai TYT pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman itu ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Guterres dan Pengarah Kebangsaan bagi Asia Tenggara,

Kementerian Luar Negeri dan Kerjasama, Mr. Vanio Florival Ximenes de Jesus.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu

Pekema Jaya Haji Mohd. Yusof dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunus.

WAKTU SEMBAHYANG										
OKTOBER	HARI	RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	RABU	16	4.39	4.49	6.07	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18
9	KHAMIS	17	4.39	4.49	6.06	6.29	12.09	3.23	6.09	7.18
10	JUMAAT	18	4.39	4.49	6.06	6.29	12.08	3.23	6.08	7.18
11	SABTU	19	4.39	4.49	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17
12	AHAD	20	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.08	7.17
13	ISNIN	21	4.38	4.48	6.06	6.28	12.08	3.24	6.07	7.17
14	SELASA	22	4.38	4.48	6.06	6.28	12.07	3.24	6.07	7.16

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 24 °C	31 24 °C	32 24 °C	
Pekan Bangar			
32 23 °C	31 23 °C	32 24 °C	
Pekan Tutong			
32 24 °C	31 25 °C	32 24 °C	
Kuala Belait			
32 24 °C	31 25 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 8 OKTOBER 2025

Kegigihan warga emas tonggak masyarakat berdaya tahan

WARGA emas adalah aset berharga kepada negara yang memainkan peranan penting dalam memperkukuh institusi kekeluargaan, menyemai silaturahmi dan mewariskan budaya, agama dan adat kepada generasi seterusnya. Kehadiran dan penyertaan aktif mereka dalam komuniti mencerminkan masyarakat yang inklusif, yang menghargai jasa generasi terdahulu.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad dalam perutusan sempena Hari Antarabangsa Warga Emas (HAWA) 2025 baru-baru ini mengongsikan, mengikut Brunei Darussalam Statistical Yearbook 2024, warga emas merangkumi 10.9 peratus (49,500 orang) daripada keseluruhan penduduk di Negara Brunei Darussalam (NBD), berbanding 10.8 peratus (48,800 orang) pada tahun 2023. Ini bermakna NBD adalah termasuk dalam kategori negara yang mempunyai penduduk yang menua ataupun *aging population*.

Walaupun peningkatan ini kelihatan kecil, jelas Yang Berhormat ia memberikan impak yang nyata kepada pelbagai aspek kehidupan dan dasar negara termasuk dalam aspek sosial dan ekonomi.

Namun begitu, kita bersyukur bahawa dengan meningkatnya bilangan warga emas di negara ini, pelbagai usaha juga telah diperkukuhkan bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan mereka.

Menurut Yang Berhormat, NBD sekali lagi menyambut HAWA yang jatuh pada 1 Oktober dan tahun ini merupakan Sambutan Ulang Tahun Ke-35 HAWA bagi negara-negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dengan tema 'Warga Emas Pemacu Tindakan Tempatan dan Global: Meniti Hari Tua Dengan Berjaya dan Sinergi Intergenerasi'.

Tema tersebut turut menekankan bahawa warga emas bukan hanya sebagai penerima manfaat, bahkan sebagai penggerak dan penyumbang dalam membentuk hala tuju negara dan masyarakat sejagat. Kita harus terus menghargai warga emas sebagai sumber kebijaksanaan, pengalaman dan teladan, sambil menggalakkan kerjasama antara generasi untuk mencapai penuaan yang berjaya serta membina masyarakat yang inklusif, harmoni dan sejahtera.

Oleh itu, konsep 'Menuju Penuaan yang Berjaya' mengingatkan kita bahawa kejayaan pada usia emas bukan sekadar diukur melalui kesihatan fizikal atau tahap kesihatan yang baik, tetapi juga merangkumi keseimbangan jasmani, rohani dan ukhrawi.

Di samping pemakanan sihat, gaya hidup aktif, serta pemeriksaan kesihatan berkala adalah asas penting untuk kesejahteraan. Pada masa yang sama, amalan kerohanian seperti sembahyang, zikir, membaca Al-Quran dan muhasabah diri adalah bekalan utama menuju kehidupan akhirat yang kekal.

Selain itu, penglibatan aktif warga emas dalam aktiviti kebangsaan membuktikan kegigihan dan komitmen mereka sebagai tonggak masyarakat yang berdaya tahan serta sentiasa relevan dalam mendukung agenda negara.

Akhirnya, semoga warga emas di NBD akan dikurniakan kesihatan berpanjangan, dilimpahkan dengan keberkatan dan hidup penuh kesejahteraan serta diberikan kekuatan untuk terus menjadi inspirasi kepada generasi muda masa kini dan akan datang.

- Ketua Penyuntingan (Rd)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

KEBAWAH DYMM RAJA ISTERI BERKENAN MENERIMA MENGADAP



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Ihsan Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Hari Puja Usia baginda (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji

Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing ke Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Hari Puja Usia

baginda. Berangkat sama pada Majlis Mengadap tersebut ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah.

Pada Majlis Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman, hari ini, Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambah dan sembah tahniah daripada Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD sempena Hari Puja Usia baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima mengadap Ketua-ketua Perwakilan Asing Wanita dan isteri Ketua-ketua Perwakilan Asing ke NBD sempena Hari Puja Usia baginda (atas dan bawah).



BERANGKAT sama pada Majlis Mengadap tersebut ialah paduka-paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatol Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah (atas), manakala gambar bawah, antara yang turut hadir pada majlis berkenaan.



BERANGKAT KE MAJLIS DOA KESYUKURAN PENUBUHAN YSHHB KE-33



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) berkenan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-33 Tahun bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Oktober. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan YSHHB Ke-33 Tahun bertempat di Dewan An-Naura, Kompleks YSHHB, di ibu negara, petang tadi.

Berangkat ke majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir YSHHB.

Menjunjung keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Ahli Jemaah Tadbir YSHHB.

Turut menjunjung keberangkatan tiba, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan

Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB; dan Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan bacaan Doa Kesyukuran sempena 33 Tahun Penubuhan YSHHB diikuti dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustapa bin Haji Murad.

Semasa majlis berkenaan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyempurnakan penyampaian sumbangan kewangan YSHHB kepada dua

buah badan bukan kerajaan yang mengendalikan program pembangunan dan pemulihan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) sebanyak BND100,000.

Sumbangan berkenaan merupakan keprihatinan YSHHB terhadap kebajikan dan kesejahteraan golongan OKU yang sewajarnya diberikan bimbingan, didikan dan kemahiran supaya mereka menjadi individu yang berjaya dan mampu memberikan sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Dua buah badan bukan kerajaan tersebut ialah Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan Persatuan SMARTER Brunei yang masing-masing menerima sumbangan kewangan berjumlah BND50,000.

Sumbangan YSHHB kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam diterima oleh Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Dato Paduka Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab.



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

Sumbangan tersebut merupakan sumbangan tahunan YSHHB (bagi tahun 2025) iaitu untuk memberi sokongan kepada pusat itu dalam mengendalikan perkhidmatan dan latihan kepada insan-insan istimewa yang kurang upaya dari segi anggota dan intelek untuk membolehkan mereka mencapai potensi ke tahap maksimum.

Sementara itu, menerima sumbangan tahunan YSHHB (bagi tahun 2025) bagi Persatuan SMARTER Brunei pula ialah Yang Dipertua Persatuan SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang.

Daripada jumlah sumbangan tersebut, sebanyak 50 peratus disumbangkan kepada Persatuan SMARTER Brunei untuk mengendalikan urusan pengajaran dan pembelajaran khusus bagi anak-anak autistik. Manakala sebanyak 50 peratus lagi adalah untuk pembayaran yuran pendidikan yang dikenakan oleh SMARTER Brunei bagi mengajar anak-anak autisme daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

Juga hadir pada majlis ini ialah Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, para jemputan khas, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB serta Guru-guru

Sekolah YSHHB.

YSHHB ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 5 Oktober 1992 sempena Sambutan Jubli Perak Menaiki Takhta.

Penubuhan YSHHB adalah sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerabat baginda iaitu sebagai tanda pemeduliaan dan kasih baginda kepada rakyat baginda serta menjadi pembentukan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang sejahtera dan makmur.

Sepanjang lebih tiga dekad perjalanannya, YSHHB telah menyentuh kehidupan ribuan rakyat dan penduduk NBD melalui pelbagai program, projek dan inisiatif yang selaras dengan tujuan penubuhannya, memberi impak nyata dalam bidang pendidikan, sosial, kesihatan serta pembangunan ekonomi dan keusahawanan.

Setiap usaha yang dilaksanakan tidak hanya memenuhi keperluan semasa, tetapi juga menjadi pemangkin kepada kemajuan jangka panjang, seiring dengan aspirasi Kebawah DYMM untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Dalam apa jua perancangan dan pelaksanaan program, projek dan aktiviti, YSHHB sentiasa mendukung penuh agenda pembangunan negara sejajar dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyempurnakan penyampaian sumbangan kewangan YSHHB kepada dua buah badan bukan kerajaan yang mengendalikan program pembangunan dan pemulihan golongan Orang Kelainan Upaya (kiri sekali dan kiri).



AMBIL LANGKAH TEGAS TANGANI ANCAMAN LIBERALISME

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Berhubung dengan falsafah liberalisme, Yang Berhormat seterusnya menegaskan, ini sudah pun berlaku di alam Melayu, bahkan di alam Nusantara seluruhnya. Liberalisme sudah menjadi satu gerakan modenisme Islam yang muncul di awal abad ke-19. Sekarang golongan Islam liberal sudah benar-benar hadir dan bertapak dalam masyarakat.

Tetapi, jelas Yang Berhormat, mereka tidak menzahirkan diri sebagai menolak agama, tetapi berselindung di sebalik pelbagai alasan untuk mengkaji semula agama, mentafsir semula al-Qur'an dan al-Hadits dan menilai semula hukum hakam fiqh. Dan dari gagasan inilah, mereka telah dilihat sudah berani menolak segala tafsiran yang dianggap oleh mereka sebagai lapuk dan kolot.

"Bagi mereka, agama mesti disesuaikan dengan kehendak masa, sekalipun terpaksa untuk mengubah hukum hakam yang telah *thabit* dengan nas syarak secara putus (*qath'ie*). Jika terdapat hukum yang tidak menepati kehendak zaman atau berlawanan dengan kemodenan dan tamadun global, maka hukum itu menurut golongan ini boleh sahaja diketepikan.

Tidakkah perkara ini sangat merisaukan? Pada saya, semua kita yang sayangkan Islam yang takut akidah dicemari oleh pemikiran-pemikiran atau ideologi-ideologi baharu yang menyimpang, maka kita semua mesti mendepani cabaran ini, terutama oleh para cendekiawan

YANG Berhormat Mufti Kerajaan ketika berucap pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Ke-14, Tahun 2025 (ICON IMAD XIV 2025) yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

kita, para ahli akademik, pendakwah, guru dan malah ibu bapa mesti sama-sama menghadapi dan menghalangi golongan yang menyimpang itu dari berjaya merosakkan umat," tegas Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, kita jangan fikir, golongan ini hanya ada jauh di luar sana. Tetapi kita ibu bapa perlu waspada bahawa mungkin saja kita kurang menyedari bahawa di dalam rumah kita sendiri sudah sedia ada penganut liberalisme agama. Mereka ini mungkin saja lepasan dari pusat pengajian di luar negara atau pusat pengajian dalam negara sendiri.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan, kita perlu tahu, bahawa mereka itu bergaul dan pergaulan mereka luas, mereka itu membaca dan pembacaan mereka luas dan mereka itu melayari internet dan pelayaran mereka tiada batasnya. Maka dari sinilah, tidak pelik kalau anak-anak atau pelajar-pelajar atau lepasan-lepasan daripada pusat-pusat pengajian, ada yang sudah terpaut menjadi penganut aliran-aliran baru seperti Islam liberal yang didapat dari pergaulan atau pembacaan atau internet.

"Aliran ini mengutamakan



kebebasan berfikir dan beragama yang sudah sedia dengan agenda-agendanya yang tersembunyi, seperti diungkap oleh Sheikh Abdullah al-Khatib dalam kitab beliau : "Al-Islam waraddu 'ala Hurriyyah al-Fikr". Beliau antara lain menyebut agenda tersembunyi itu iaitu untuk memadam agama sepenuhnya daripada masyarakat; untuk menjauhkan ingatan dan

pemikiran dari setiap yang berkaitan dengan wahyu dan alam ghaib, akidah dan keimanan kepada Allah dan untuk merumus tentang keutamaan akal, kebendaan dan ketidak pemanfaatan agama dan wahyu dalam semua urusan kehidupan.

Dari yang disebutkan ini, jelas Yang Berhormat, nyatalah bahaya Islam Liberal itu tidak dapat

dipandang ringan. Ia mengancam akidah dan boleh membawa sesat. Oleh itu, adalah menjadi kewajipan semua untuk berhati-hati dan mengambil langkah tegas membendungnya dari terus merebak meracuni masyarakat. Persidangan hari ini dapat diharapkan untuk melihat semua aliran menyimpang antaranya Islam liberal sebagai ancaman.

Memperkukuh kefahaman Islam dalam pelbagai dimensi keilmuan



PEMBENTANGAN kertas perdana oleh Penolong Profesor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Dato' Ayman Al-Aktiti (kiri), manakala gambar kanan, ucapan alu-aluan Dekan Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali selaku Pengerusi ICON IMAD XIV 2025, Profesor Dato' Dr. Mohd Fakhruddin bin Abdul Mukti.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Usuluddin dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM), Malaysia; Pasca Sarjana UIN Sunan Gunung Djati, Bandung, Indonesia; dan Kolej Pengajian Islam (CIS), Prince of Songkla University (PSU), Thailand telah menganjurkan Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Ke-14 (ICON IMAD XIV 2025) yang berlangsung di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Persidangan yang bertemakan 'Islam di Alam Melayu : Keilmuan Islam Mendepani Cabaran Era Kecerdasan Buatan (AI)' itu memberi tumpuan terhadap cabaran kemajuan teknologi

maklumat dan digital yang membawa kepada kemunculan AI sekali gus menuntut persediaan keintelektualan serta keluasan minda yang selaras dengan ajaran Islam yang sentiasa peka terhadap perubahan masa dan zaman.

Perkembangan pesat teknologi AI kini bukan sahaja mengubah cara hidup manusia, malah turut memberi kesan terhadap tatanan sosial dan nilai masyarakat Islam.

Oleh itu, ICON IMAD XIV 2025 menjadi platform penting bagi membincangkan isu-isu semasa di alam Melayu dalam usaha mengekalkan jati diri Melayu Islam serta memperkukuh kefahaman Islam dalam pelbagai dimensi keilmuan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan persidangan ialah Mufti Kerajaan,

YANG Berhormat Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Ke-14 (ICON IMAD XIV 2025).

Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Dekan Fakulti Usuluddin, UNISSA selaku Pengerusi ICON IMAD XIV 2025, Profesor Dato' Dr. Mohd Fakhruddin bin Abdul Mukti, yang antara lain menyatakan penghargaan kepada semua rakan kerjasama serantau atas sokongan menjayakan persidangan ilmiah berkenaan.

Majlis diteruskan dengan pembentangan kertas perdana oleh Penolong Profesor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dato' Ayman Al-Aktiti bertajuk 'Sumbangan Data Kodilogi

dan Filologi dalam Kajian Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Alam Melayu'.

Dalam pembentangannya, beliau menjelaskan hasil kajian manuskrip yang membuktikan bahawa akidah yang mula bertapak di alam Melayu ialah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah beraliran al-Ash'ari dan al-Maturidi manakala dari segi fiqh, seluruh Alam Melayu berpegang kepada Mazhab al-Shafi.

Turut hadir, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal, selaku Penasihat ICON IMAD XIV 2025.

Sebanyak 149 kertas kerja telah dibentangkan oleh para akademik dan pelajar dari dalam dan luar

negara, meliputi pelbagai bidang pengajian Islam seperti dakwah, psikologi dan pembangunan insan; pengurusan Islam; akidah dan pemikiran Islam serta Usul al-Fiqh.

Penganjuran ICON IMAD XIV 2025 dihasratkan menjadi platform untuk mewujudkan serta memperkukuh jaringan akademik dan intelektual antara para ilmuwan Islam di seluruh dunia bagi menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi.

Ia juga diharap dapat membuka ruang kolaborasi baharu dalam bidang kajian semasa demi memperkasa penyelidikan serantau dan memberi manfaat kepada ummah serta negara.

BIBD SUMBANG PROJEK HIASAN DALAMAN FASA KEDUA MASJID SSBRPAD



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

MANGGIS / MADANG, Selasa, 7 Oktober. - Majlis Penyerahan Sumbangan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) bagi pelaksanaan Projek Hiasan Dalaman Fasa Kedua Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD) serta Majlis Menandatangani Perjanjian Membekal dan Memasang Pintu Masuk Utama Kayu Berukir antara masjid berkenaan dengan Syarikat Chai Yong & Son Sendirian Berhad diadakan pagi tadi, bertempat di Masjid SSBRPAD, Kampung Manggis / Madang, di sini.

Perjanjian berkenaan adalah

untuk menyediakan pembuatan pintu utama masjid dan empat pintu di kiri dan kanan pintu utama dengan menggunakan kayu jati yang dihias dan diukir dengan motif Bunga Manggis dan Bunga Madang.

Hadir ialah Ahli Majlis Ugama Islam Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD.

Penyerahan sumbangan BIBD disempurnakan oleh Pemangku Ketua Perhubungan Kerajaan dan

Projek Khas, BIBD, Awang Zulhazransa bin Haji Emran kepada Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Nuzli bin Haji Jumat, selaku Pengerusi Jawatankuasa Takmir Masjid SSBRPAD.

Projek Fasa Kedua berkenaan merupakan usaha berterusan Jawatankuasa Takmir untuk memperindah dan mewujudkan suasana dalaman masjid yang selesa bagi jemaah dan pengunjung serta membina persekitaran yang kondusif.

Reka bentuk daun pintu utama dan empat buah pintu lainnya adalah cantuman motif bunga dan Buah Manggis (Garcinia Magostana) dan Bunga Madang (Beilchmiedia Madang) yang telah



AHLI Majlis Ugama Islam Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Suhaili bin Haji Mohiddin, selaku Penasihat Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit hadir menyaksikan majlis penandatanganan dan seterusnya menerima sumbangan Bank Islam Brunei Darussalam (kiri dan atas).

diadun dengan begitu rapi bagi menjelmakan reka bentuk yang tidak sahaja cantik dan menarik tetapi unik dan tersendiri menjadikannya istimewa dan unggul khusus untuk Masjid SSBRPAD.

Reka bentuk pintu utama dan pintu-pintu di kiri dan kanan pintu utama dibuat oleh Yayasan Restu Malaysia.

Sementara itu, pembuatan pintu-pintu ini diangkayahkan oleh sebuah syarikat tempatan yang berpengalaman iaitu Syarikat Chai Yong & Son Sendirian Berhad.

Pemilihan syarikat tempatan

tersebut jelas mencerminkan keyakinan Jawatankuasa Takmir dan sekali gus menonjolkan kebolehan dan kewibawaan syarikat tempatan dalam bidang ini yang perlu diketengahkan di samping anggaran kos pembuatan yang lebih murah daripada syarikat luar negara.

Majlis Menandatangani Perjanjian bagi Projek Hiasan Dalaman Fasa Kedua berkenaan merupakan titik tolak dalam pelaksanaan Projek Hiasan Dalaman Fasa Kedua yang dijangka akan dapat disiapkan dalam tempoh enam bulan.

Majlis Apresiasi raikan pemenang ICON IMAD XIV 2025



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

GADONG, Selasa, 7 Oktober. - Bagi meraikan para ucapnama serta jemputan bagi Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Ke-14 (ICON IMAD XIV 2025), Majlis Apresiasi telah diadakan di Rizqun International Hotel, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan Dekan Fakulti Usuluddin, UNISSA, Profesor Dato' Dr. Mohd Fakhruddin bin Abdul Mukti selaku Pengerusi ICON IMAD XIV 2025 yang antara lain menyentuh mengenai persidangan ini tidak hanya menjadi ruang intelektual tetapi juga wadah untuk

menguatkan ukhuwah, membuka peluang kolaborasi penyelidikan dan menyemai inspirasi baharu dalam meneruskan agenda Islam sebagai *rahmatan lil-'alamin*.

Refleksi daripada persidangan ini jelas menunjukkan bahawa ilmu dan penyelidikan Islam sentiasa berkembang seiring dengan cabaran kontemporari serta mampu digabungkan dengan pendekatan moden dalam bidang sains, teknologi dan sosial.

"Selain itu, jaringan kerjasama akademik telah semakin kukuh, menghubungkan kita dengan pelbagai universiti serantau dan antarabangsa. Peranan mahasiswa dan penyelidik muda terselrah melalui penyertaan aktif mereka dalam pembentangan, yang

REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Apresiasi yang diadakan di Rizqun International Hotel dan seterusnya menyampaikan hadiah dan sijil kepada para penerima (kiri dan kanan).

membuktikan kesinambungan tradisi keilmuan Islam akan terus terpelihara," jelasnya lagi.

Profesor Dato' Dr. Mohd Fakhruddin berharap segala dapatan, kertas kerja dan perbincangan yang berlangsung sepanjang ICON IMAD XIV 2025 ini dapat dimanfaatkan, diterjemahkan dalam bentuk penyelidikan, penulisan, dasar, serta amalan yang membawa manfaat kepada umat dan negara. Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah dan sijil bagi kertas kerja dan pembentang terbaik ICONIMAD XIV 2025.

Kertas Kerja Terbaik bagi bahasa Melayu telah dimenangi oleh Siti Zubaidah Ismail, Najaruddin Nedri, Muhammad Nuur Iman Suip dari Universiti Malaya, Malaysia dengan tajuk 'Pemakaian Kecerdasan Buatan (AI) dalam perundangan Syariah Sarawak : ke arah sistem kehakiman Islam yang lebih efisien



dan berintegriti'.

Manakala Lis Rosilah, Ayi M Sirojuddin, Dima Noor Ziehad, Hasbiyallah, Dedi Sulaeman dari UIN Sunan Gunung Djati Bandung, Indonesia dengan tajuk 'Balancing AI, mental health and islamic value education : pillars of future learning in the AI era' memenangi bagi bahasa Inggeris sementara bahasa Arab pula diraih oleh Dr. Ali Ali Hussein Ghazwan dari UNISSA dengan tajuk 'Fatwa Digital di Zaman Kepintaran Buatan : Memperbaharui Wacana Agama atau Mengecualikan Kandungan'.

Bagi Pembentang Terbaik dalam bahasa Melayu pula dimenangi oleh Dr. Hajah Masuriyati binti Haji Yahya dari UNISSA dengan tajuk 'Martabat Keilmuan Islam dan Ilmu Islam Dalam Arus Teknologi AI : Cabaran dan Penyelesaian'.

Manakala Aris Hassama dari

Prince Songkhla University dengan tajuk 'At The Crossroads of Wisdom : Islamic Sciences Students' Reflection of AI in educational journey' memenangi bagi Bahasa Inggeris dan Dr. Abdul Wahab Mahyoub dari Universiti Malaya, Malaysia dengan tajuk 'Ilmu Melayu Islam Dalam Cahaya Transformasi Kepintaran Buatan : Pembacaan Bertamadun dan Objektif bagi Bahasa Arab'.

Majlis juga menyaksikan penyerahan penganjuran ICON IMAD XV yang disampaikan oleh Pengerusi ICON IMAD XIV 2025 kepada tuan rumah seterusnya iaitu UIN Sunan Gunung Djati Bandung, Indonesia.

Turut hadir, tetamu-tetamu khas dari dalam dan luar negara, penaja-penaja, pegawai-pegawai utama UNISSA dan para peserta persidangan.

Majlis sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri

Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Bersekutu

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Oktober. - Sempena Memperingati Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bagi Tahun 2025, satu Majlis Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat telah diadakan bertempat di Bilik Persidangan, Aras Bawah, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB).

Majlis berkenaan dianjurkan oleh Kumpulan Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Bersekutu, sebagai tanda kesyukuran dan penghargaan atas limpah kurnia serta kasih sayang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha terhadap rakyat dan negara.

Majlis dimulakan dengan bacaan

KUMPULAN Isteri-isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Bersekutu mengadakan Majlis Khatam Al-Quran, Doa Kesyukuran dan Sembahyang Sunat Hajat.

Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pengerusi II dan Ketua Jawatankuasa Keagamaan kumpulan berkenaan, isteri Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Dayang Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi.

Seterusnya, bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai dilaksanakan oleh ahli-ahli kumpulan, yang diketuai oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Dayang Hainun binti Haji Mustapha dan Dayang Hajah Norasnida binti Haji Ramlee.

Majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim dan Doa Khatam oleh Dayang Hainun.

Ini diikuti dengan Dikir Marhaban



beramai-ramai, serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Pengetua Sekolah Tinggi Arab Hassan Bolkiah, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohamad, merangkap Ahli Bersekutu.

Selesai majlis berkenaan, para

hadirin beredar ke surau bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, diikuti dengan bacaan Doa Khas Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, yang dibacakan oleh Pegawai Istibat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan,

Dayang Hajah Noraini binti Haji Buntar.

Majlis disusuli dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah menandakan penutup acara yang penuh keberkatan dan rasa syukur sempena Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

KUPU SB

Oleh : Aimi Sani, Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Oktober. - Sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah mengadakan

Majlis Khatam Al-Quran, Membaca Surah Yaa Siin serta Doa Kesyukuran yang berlangsung di Dewan Tarbiah, kolej universiti berkenaan, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran bermula daripada Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas oleh mahasiswa dan mahasiswi KUPU SB.

Majlis seterusnya diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha oleh Penolong Ra'es (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Selain itu, turut diadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah serta Membaca Doa Kesyukuran yang berlangsung serentak di Dewan Tarbiah dan Surau Utama KUPU SB.

Majlis diadakan sebagai menzahirkan rasa kesyukuran kepada ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan iringan doa agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dilanjutkan usia, dikurniakan

ACARA tersebut berlangsung serentak di Dewan Tarbiah dan Surau Utama KUPU SB (kiri dan atas kanan).



kesihatan dan kesejahteraan serta limpahan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan

seterusnya semoga baginda dan kerabat diraja dikurniakan taufik, hidayah serta inayah-Nya.



Majlis sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri

PEKERTI



GADONG, Selasa, 7 Oktober. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bagi Sambutan Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam. Majlis yang berlangsung di Dewan Bankuet Mes, Kompleks



MAJLIS yang berlangsung di Dewan Bankuet Mes, Kompleks Ibu Pejabat Polis itu dihadiri oleh isteri Pesuruhjaya Polis, Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong selaku Yang Dipertua PEKERTI (atas dan kiri).

Ibu Pejabat Polis itu dihadiri oleh isteri Pesuruhjaya Polis, Datin Sabrina Aziemah binti Abdullah Chong selaku Yang Dipertua PEKERTI.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI dan ahli-ahli daripada ketujuh-tujuh cawangan PEKERTI.

Majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, Sembahyang Sunat Hajat, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan diteruskan dengan bacaan Doa

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Khas bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang dipimpin oleh Dayang Noremy binti Emran.

Seterusnya, bacaan selawat-selawat pilihan diketuai oleh Dayang Norliza binti Abd. Jalil, diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis ini adalah salah satu aktiviti tahunan PEKERTI dan

dikendalikan oleh Badan Keagamaan PEKERTI yang dipengerusikan oleh Dayang Suriyanti binti Haji Suhaimi dan Timbalan Pengerusi, Dayang Nur Nadiyah binti Haji Awang Ghazali.

Majlis ini juga adalah bertujuan untuk memperingati Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri sebagai Penaung PEKERTI.

AJK Takmir Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddien



JAWATANKUASA Takmir Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan menganjurkan Majlis Membaca Ratib Al-Attas dan Doa Kesyukuran di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Oktober. - Jawatankuasa Takmir Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pagi tadi menganjurkan Majlis Membaca Ratib Al-Attas dan Doa Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Majlis tersebut diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.

Hadir selalu tetamu kehormat ialah Pegawai Ugama Kanan, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin, merangkap Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Penyelia Muslimah Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Dayang Rapih binti Idup.

Seterusnya majlis diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Wanita dan Rahsia Amal Ikhlas' disampaikan oleh Guru Ugama Terlatih Tingkat Khas, Dayang Hajah Nadhirah binti Haji Lahit, selalu Ketua Unit Kelas Bimbingan Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Majlis kemudian diikuti dengan bacaan Ratib Al-Attas yang diketuai oleh Tenaga Pembimbing Kelas Bimbingan Muslimah Bertauliah, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), Dayang Nurhafizah binti Haji Ismadi.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Kesyukuran dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Selain dihasratkan untuk mengeratkan ukhuwah dalam kalangan Muslimah serta jemaah masjid, majlis juga bertujuan untuk mengimarahkan masjid melalui penganjuran majlis keagamaan.

Semoga dengan doa yang dirafakkan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha sentiasa dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala, dikurniakan kesihatan yang baik, dipanjangkan usia dalam keberkatan serta dilimpahi rahmat dan kasih sayang daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

MWNBD dan PENJURU

MANGGIS / MADANG, Selasa, 7 Oktober. - Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD) dengan kerjasama Persatuan Jururawat Negara Brunei Darussalam (PENJURU) menganjurkan Majlis Solat Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bagi Tahun 2025.

Majlis yang diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang itu dihadiri lebih 280 orang terdiri daripada ahli-ahli 13 persatuan wanita yang bergabung di dalam MWNBD dan Ahli-ahli PENJURU.

Hadir menyertai majlis berkenaan ialah Naib Yang Dipertua 1, MWNBD, Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam binti Pengiran Haji Metarsat, selaku wakil Yang Dipertua MWNBD.

Juga hadir, Yang Dipertua PENJURU, Datin Paduka Hajah Suraya Noraidah binti Abdullah, Ahli-ahli Lembaga Tadbir MWNBD, Yang Dipertua / Timbalan Ketua Pesuruhjaya / Pengarah 13 persatuan yang bergabung dalam MWNBD serta para jemputan khas yang terdiri daripada Yang Dipertua / wakil persatuan-persatuan sahabat MWNBD.

Majlis dimulakan dengan Solat



ANTARA yang hadir pada Majlis Solat Fardu Asar Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Fardu Asar Berjemaah diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai. Bacaan Surah Al-Fatihah kemudiannya dipimpin oleh Pengiran Datin Paduka Hajah Mariam, yang seterusnya menyampaikan ucapan alu-aluan.

Bacaan Surah Yaa Siin dan doa dikepalai oleh Ketua Bahagian Keagamaan MWNBD, Pengiran Hajah Rakiah binti Pengiran Haji Abu Bakar, yang juga merangkap Pengarah Bahagian Wanita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei.

Acara diteruskan dengan bacaan Doa Khas Kesyukuran sempena Hari Puja Usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang dipimpin oleh Dayang Hajah Fatimah binti Haji Ahmad dari Persatuan Pertiwi.

Majlis diakhiri dengan bacaan

Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Dayang Julianawati binti Haji Hamdan dari Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait (PKP).

Antara tujuan utama majlis ialah bagi memanjatkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, Penaung Diraja MWNBD dan PENJURU sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat walafiat, dilanjutkan usia dan sentiasa memberi sokongan baginda yang berterusan kepada kaum wanita di negara ini pada amnya, terutama sekali khususnya kepada MWNBD dan PENJURU.

Di samping itu juga bagi mengeratkan lagi silaturahim antara ahli persatuan-persatuan yang bergabung di dalam MWNBD dengan Ahli-ahli PENJURU dan rakan-rakan dari persatuan-persatuan sahabat MWNBD.

LAWATAN MEMPERKUKUH JALINAN, ERATKAN SILATURAHIM



JERUDONG, Isnin, 6 Oktober. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Jerudong 'B' menzahirkan penghargaan dan berbesar hati kerana menerima kunjungan daripada rombongan MPK Bukit Sawat, baru-baru ini.

Rombongan MPK Bukit Sawat disertai oleh seramai 55 ahli dan diketuai oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit

Sawat.

Turut menyertai rombongan, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

Hadir mengalu-alukan rombongan pada majlis berlangsung di Pantai Siandang Kampung Jerudong di sini ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat dan juga Pengerusi

MPK Jerudong 'B' dan Pemangku Ketua Kampung Jerudong 'B', Awang Kamis bin Panjang selaku Pengerusi MPK Kampung Jerudong 'B'.

Rombongan pelawat dimeriahkan dengan persembahan kebudayaan dan juga berkesempatan ikut serta dalam acara sukan ria di samping aktiviti-aktiviti luar yang lain bagi mengeratkan lagi ukhuwah kedua-dua pihak masing-masing.



ROMBONGAN MPK Bukit Sawat diketuai oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Penghulu Mukim Bukit Sawat (kiri). Sementara gambar atas, Yang Berhormat Ahli MMN, Ketua Kampung Putat menerima kunjungan daripada rombongan MPK Bukit Sawat.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Awang Kamis Panjang

Selain itu, pelbagai jualan produk makanan dan minuman hasil MPK turut dijual bagi memeriahkan suasana sepanjang lawatan serta memberi peluang kepada penduduk setempat dan pengunjung menikmati pelbagai juadah sambil beriadah di pantai.

Lawatan berkenaan diharap dapat memberikan sumber pengetahuan secara lebih dekat mengenai program Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang terdapat di Kampung Jerudong 'B' sekali gus memupuk perpaduan dan ikatan silaturahim yang lebih erat.

AI, platform penyebaran ilmu, informasi dengan cepat, tuntas



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir semasa sesi pembentangan berkenaan.

>> **Muka 1**

Antara inti pati yang disampaikan oleh Dekan Fakulti Usuluddin UNISSA, Profesor Dato' Dr. Mohd Fakhrudin bin Abdul Mukti yang bertajuk 'Islam di Alam Melayu : Keilmuan Islam Mendepani Cabaran Era Kecerdasan Buatan (AI)' telah menyentuh mengenai pemikiran Islam yang akan sentiasa menghadapi cabaran dan ditangani dengan sebaiknya tetapi kini sedang berada dalam gelombang zaman digital dan AI yang lebih mencabar.

Justeru, persiapan para intelek

Islam harus dimantapkan bagi menghadapi cabaran tersebut, AI sebagai wasilah yang menyebarkan ilmu dan informasi secara cepat dan tuntas serta meluas melangkahi segala sempadan.

Dengan tajuk kertas kerja 'AI Dalam Metodologi Kajian Ilmu Islam di Era Digital' yang disampaikan oleh Dekan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia, Profesor Dr. Mohd Fauzi bin Hamat semasa membentangkan kertas kerjanya menekankan bahawa dunia Islam kini menghadapi perdebatan yang

semakin meningkat antara AI sebagai produk revolusi teknologi dan minda objektif (Maqasid). Penyelesaiannya adalah melalui integrasi antara keduanya di mana AI perlu mematuhi piawaian etika dan tidak menyimpang daripada landasan syariat.

Manakala dalam pembentangan yang disampaikan oleh Rektor Pasca Sarjana, UIN Sunan Gunung Djati, Bandung, Indonesia, Profesor Dr. H. Rosihon Anwar bertajuk 'Navigating The Future : Islamic Science and Knowledge in The Malay World Confronting AI' turut membincangkan mengenai

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



ANTARA pembentangan pada Persidangan Antarabangsa Islam di Alam Melayu Ke-14 (ICON IMAD XIV 2025) (kiri dan kanan).

komuniti Islam di Selatan Thailand yang mengintegrasikan AI sebagai alat untuk pendidikan dan pemeraksanaan, sebagai manifestasi mandat untuk meningkatkan status komuniti melalui pengetahuan.

Seterusnya Profesor Dr. Ibrahim Narongraksakhet dari Prince Songkla Universiti, Pattani, Thailand, menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Roles of Religious Leaders in Promoting A Dialogues Among Different Religious Sects in Thailand' yang menekankan kepentingan pembinaan kapasiti yang mampan, sokongan institusi dan perkongsian kolaboratif antara institusi keagamaan, masyarakat madani dan badan kerajaan untuk

memastikan inisiatif dialog membawa kepada keharmonian komuniti.

Penganjuran ICON IMAD XIV 2025 yang berpaksikan penyelidikan ini bertujuan mengangkat kesedaran Islam di rantau ini bagi memajukan lagi aspek penyelidikan dalam kalangan ahli akademik dan penyelidik untuk perkongsian bersama bertaraf global.

Persidangan ini sekali gus memperkuat jaringan akademik dan penyelidikan semasa serta mengunjurkan peluang kerjasama yang lebih luas dalam bidang dan skop penyelidikan antara negara-negara Nusantara.

Pemerintah Mengagihkan Zakat : Adakah Wajib Meliputi Semua Asnaf dan Sama Rata?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ZAKAT wajib diagihkan kepada lapan asnaf iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, *fi ar-riqab*, *al-gharimin*, *fi sabilillah* dan *ibn as-sabil* sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala :

Tafsirnya : Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil, dan orang-orang yang dijinakkan hatinya dengan Islam (muallaf), dan untuk memerdekakan hamba sahaya, dan orang-orang yang berhutang, dan (untuk pejuang-pejuang yang berjihad) pada jalan Allah, dan orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya). Itulah ketetapan daripada Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

(Surah at-Taubah : 60)

Menyerahkan zakat kepada pemerintah atau naibnya adalah afdhal daripada menyerahkannya sendiri kepada asnaf kerana pemerintah atau naibnya lebih mengetahui tentang mereka yang berhak menerima zakat. Begitu juga dengan masalah dan keperluan mereka serta mengetahui mana-mana individu yang sudah atau belum menerima zakat yang diagihkan. Namun, jika pemerintah atau naibnya seperti amil, datang mengutip zakat atau pemerintah memerintahkan supaya zakat diserahkan kepadanya untuk diagihkan kepada asnaf, maka wajib pengeluar zakat menyerahkannya kepada pemerintah.

Menyentuh tentang pemerintah dan naibnya yang bertanggungjawab mengagihkan zakat kepada asnaf, timbul persoalan mengenai cara pengagihannya, iaitu adakah pemerintah atau naibnya wajib mengagihkan zakat kepada semua asnaf yang ada dan adakah wajib mengagihkannya dengan kadar yang sama rata kepada semua asnaf yang ada?

Pengagihan Zakat Kepada Asnaf

Dalam perkara pengagihan zakat, pemerintah atau naibnya wajib mengagihkan zakat kepada kesemua lapan asnaf jika ada kesemua mereka. Adapun jika tidak ada kesemua mereka, maka diagihkan zakat kepada asnaf yang ada sahaja.

Dalam melaksanakan perkara di atas, sebagai contoh, sekiranya sebahagian asnaf tidak ada dalam sebuah negeri seperti *fi ar-riqab* dan *fi sabilillah*, maka wajib diagihkan kepada asnaf yang ada sahaja iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, *al-gharimin* dan *ibn as-sabil*. Ini kerana

golongan asnaf yang tidak ada itu, tidak mempunyai bahagian zakat di tempat tersebut.

Sekiranya kesemua lapan asnaf itu ada dalam sebuah negeri dan zakat diagihkan sendiri oleh pemerintah atau naibnya atau amil yang diberi gaji oleh pemerintah khusus untuk mengurus zakat, maka zakat hanya dibahagi kepada tujuh asnaf (tidak termasuk amil).

Dalam kitab al-Minhaj ath-Thalibin, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menyebut :

Ertinya : Sekiranya pemerintah mengagihkan (zakat) dan di situ terdapat amil, wajib diliputi (zakat) kepada asnaf. Sekiranya tidak (ada amil), maka pengagihan ke atas tujuh (asnaf). Dan sekiranya tidak ada sebahagian mereka, maka (diberikan) kepada (asnaf) yang ada.

Dalam perkara penyamarataan pengagihan zakat kepada semua asnaf yang ada, menurut para ulama, pengagihan zakat tidak boleh melebihi satu asnaf ke atas asnaf yang lain, tidak kira sama ada keperluan dan jumlah penerima zakat dalam asnaf itu adalah sama atau tidak.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab Raudhah ath-Thalibin menyebut :

Ertinya : Penyamarataan (pengagihan zakat) antara asnaf adalah wajib sekalipun hajat sebahagian mereka (asnaf) lebih mendesak (berbanding yang lain), melainkan amil itu tidak ditambah upah kerjanya sebagaimana sebelum ini.

Sekiranya terdapat lapan asnaf di dalam sesebuah negeri, maka zakat wajib diagihkan sama rata kepada 8 bahagian dan setiap bahagian diberikan 1/8 daripada harta zakat. Begitu juga sekiranya terdapat lima asnaf, maka zakat wajib diagihkan sama rata kepada 5 bahagian dan setiap asnaf diberikan 1/5 daripada harta zakat.

Asnaf amil adalah terkecuali dalam perkara ini kerana hak mereka terhadap zakat ditentukan berdasarkan upah kerjanya dan tidak lebih dari itu. Oleh itu, sekiranya bahagian yang diterima oleh amil itu melebihi daripada upah kerjanya, maka lebih itu dikembalikan semula kepada baki asnaf yang ada. Sekiranya bahagian yang diterima itu tidak mencukupi mengikut upah yang ditentukan, maka dicukupkan daripada wang zakat atau harta Baitul Mal.

Sekiranya setelah penyamarataan setiap asnaf itu dibuat, didapati satu asnaf mendapat bahagiannya daripada zakat tidak mencukupi keperluan mereka manakala satu golongan pula mendapat bahagian namun melebihi dari keperluan mereka, maka lebih bahagian dari golongan itu dipindahkan kepada bahagian lain yang keperluan mereka masih belum mencukupi.

Sekiranya harta zakat itu masih mempunyai baki lebih setelah semua

asnaf menerima bahagiannya yang tidak kurang dari keperluan mereka, maka menurut Syaikh Syihabuddin Ahmad al-Burullusi yang juga dikenali sebagai 'Umairah *Rahimahullah* dalam Hasyiyahnya yang mensyarah kitab Syarh al-Mahalli 'ala Minhaj ath-Thalibin bahawa lebih harta zakat itu disimpan sehingga wujud golongan yang berhak menerimanya.

Pengagihan Zakat Kepada Individu Asnaf

Pemerintah atau naibnya berkewajipan mengagihkan perolehan zakat yang ada padanya kepada setiap individu dalam setiap golongan asnaf kerana mudah baginya untuk melakukan sedemikian. Dalam kitab Minhaj ath-Thalibin, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* menyebutkan lagi :

Ertinya : Dan sekiranya pemerintah yang mengagihkan (zakat), dia (wajib mengagihkan) perolehan zakat yang ada padanya meliputi kepada setiap orang dalam setiap asnaf.


Kewajipan mengagihkan zakat meliputi setiap orang dalam setiap asnaf itu apabila harta zakat yang diperolehi itu jumlahnya mencukupi untuk diagihkan kepada setiap individu dalam setiap asnaf. Sekiranya harta zakat itu sedikit sehingga apabila diagihkan kepada kesemua mereka, kadar agihan tersebut tidak mencukupi keperluan setiap individu, maka tidak wajib mengagihkannya kepada keseluruhan individu asnaf disebabkan darurat. Akan tetapi didahulukan sesiapa yang lebih memerlukan sebagaimana yang disebut oleh Imam az-Zarkasyi *Rahimahullah*.

As-Sayyid al-Jurdani *Rahimahullah* dalam kitab Fath al-Allam menyebut bahawa sekiranya harta zakat tersebut sedikit sehingga tidak mencukupi untuk menampung setiap orang jika diagihkan kepada kesemua orang dalam golongan tersebut, maka tidak wajib mengagihkannya kepada semua. Akan tetapi hendaklah didahulukan pengagihan zakat itu kepada orang yang lebih memerlukan. Jika tidak ada yang lebih memerlukan iaitu keperluan mereka sama, maka diagihkan berdasarkan maslahat namun hendaklah pengagihan tersebut tidak kurang daripada tiga orang.

Dalam perkara penyamarataan pengagihan zakat kepada setiap individu dalam setiap asnaf, sekiranya keperluan mereka sama, maka pemerintah atau naibnya wajib mengagihkan zakat dengan sama rata.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitab Minhaj ath-Thalibin menyebut :

Ertinya : Dan wajib penyamarataan antara asnaf, (namun tidak wajib) antara setiap orang dalam golongan (asnaf)



tersebut melainkan sekiranya pemerintah yang mengagihkan (zakat), maka haram ke atasnya melebihi (satu orang ke atas satu orang yang lain) dalam keadaan keperluan (mereka adalah) sama.

Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj ketika menghuraikan nash di atas, menyatakan :

Ertinya : Melainkan sekiranya pemerintah yang mengagihkan atau naibnya dan di situ cukup untuk memenuhi keperluan (setiap seorang) jika diagihkan, maka haram ke atasnya melebihi (satu orang ke atas orang yang lain) dalam keadaan keperluan (mereka itu) sama menurut pendapat al-mu'tamad kerana mudah ke atasnya (pemerintah) menyamaratakan dan juga kerana (wajib) ke atasnya meratakan (pengagihan zakat kepada semua individu asnaf).

Sekiranya keperluan setiap individu itu berbeza, maka wajib bagi pemerintah melihatnya berdasarkan keperluan mereka. Walau bagaimanapun sekiranya zakat itu tidak mencukupi diagihkan kepada semua individu, maka penduduk negeri adalah lebih utama diberi zakat berbanding pendatang yang berada di tempat tersebut ketika pengagihannya kerana penduduk negeri itu adalah orang yang tinggal setempat dengan orang yang mengeluarkan zakat.

Oleh yang demikian, jika zakat diagihkan oleh pemerintah, maka pemerintah atau naibnya wajib mengagihkan perolehan zakat kepada semua asnaf yang ada. Begitu juga wajib mengagihkannya secara sama rata kepada semua asnaf.

Selain itu, pemerintah atau naibnya wajib mengagihkan perolehan zakat kepada setiap individu dalam setiap asnaf. Dia juga wajib mengagihkan zakat secara sama rata kepada setiap individu dalam setiap asnaf sekiranya keperluan mereka sama. Sekiranya keperluan mereka berbeza dan zakat tidak mencukupi untuk semua, maka diutamakan penduduk negeri.

منوجو كريضاء الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولان قوسه دعوه اسلاميه

ISLAM adalah agama yang menyeru umatnya kepada persamaan taraf antara manusia tanpa membezakan warna kulit, bangsa, etnik dan keturunan. Islam mengiktiraf semua manusia adalah sama kecuali yang membezakannya adalah takwa.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana terjemahan makna ayat 13 dalam Surah Al-Hujurat :

"Wahai manusia! Sesungguhnya, Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan puak supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang

Menghormati sesama Islam

yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya, Allah Maha Mengetahui lagi Maha Teliti".

Islam melarang umatnya berbangga dengan keturunan dan bangsa sebagaimana yang dilakukan oleh golongan Yahudi dengan menganggap bahawa keturunan Bani Israel sahajalah yang mulia. Manakala bangsa selain Yahudi adalah golongan kelas kedua dan boleh diperlakukan dengan apa sahaja sehingga dihalalkan membunuh. Islam amat melarang umatnya melakukan penghinaan disebabkan perbezaan keturunan atau warna kulit.

Allah Subhanahu Wata'ala melarang umatnya menghina dan memperlekehkan orang lain lebih-lebih lagi sesama Islam sebagaimana firman-Nya sebagaimana terjemahan makna ayat 11 dalam Surah Al-Hujurat :

"Wahai orang-orang yang beriman!

Janganlah satu kaum mengejek-ejek satu kaum yang lain, boleh jadi kaum yang diejek itu lebih baik daripada mereka dan janganlah pula (satu kaum) perempuan mengejek (satu kaum) perempuan yang lain, boleh jadi (kaum) perempuan yang diejek itu lebih baik daripada mereka. Dan janganlah kamu mencaci sesama kamu dan janganlah kamu panggil memanggil dengan gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah panggilan fasik sesudah seseorang itu beriman. Dan sesiapa yang tidak bertaubat maka mereka itulah orang yang zalim".

Oleh itu, syariat Islam melarang umatnya memburuk-burukkan atau menyebarkan keaiban saudara sesama Islam bagi tujuan menghina dan menjatuhkan maruah mereka. Janganlah kita menjadi golongan terlibat dan menyokong perbuatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dengan menyebarkan fitnah dan keaiban saudara

seislam melalui media sosial, sebagaimana yang berleluasa pada masa sekarang. Ingatlah, perbuatan tersebut termasuk salah satu kezaliman terhadap saudara seislam kita.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana terjemahan makna ayat 12, dalam Surah Al-Hujurat :

"Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah Penerima Taubat, lagi Maha Mengasihani".

JATI DIRI KUKUH ASAS GENERASI MUDA BERWIBAWA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

TEMBURONG, Selasa, 7 Oktober.

- Dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, kita memerlukan generasi yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik dan kerjaya, malah kaya dengan nilai moral, mempunyai semangat patriotisme serta mampu menjadi contoh teladan kepada masyarakat. Inilah asas kepada sebuah negara yang maju, sejahtera dan berdaya tahan.

Perkara demikian dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab pada Majlis Penutup Program Jati Diri bagi pelajar iSkills Kohort 9 berlangsung di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, hari

ini.

"Saya berharap apabila kalian melangkah keluar daripada kem latihan ini, manfaatkanlah sebaik mungkin segala nilai moral, kerohanian dan pengalaman positif yang telah diterapkan sepanjang 90 hari latihan ini.

"Jadikan ia panduan untuk memperbaiki kelemahan, membina kekuatan dan meningkatkan keyakinan diri," ujarnya.

Menurutnya lagi, ingatlah bahawa jati diri yang kukuh adalah asas untuk berdiri teguh sebagai individu, generasi muda dan sebagai rakyat Negara Brunei Darussalam yang berwibawa.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau difahamkan bahawa sepanjang tempoh program ini,

para peserta telah melalui pelbagai aktiviti yang mencabar minda, membentuk disiplin, memperkukuhkan semangat kerja berpasukan serta mengasah daya kepimpinan.

Selain itu tambahnya, program ini turut memberi peluang kepada para pelajar untuk mengenali diri, memperbaiki kelemahan, memperkukuh semangat setia kawan serta membina keyakinan diri.

Beliau menjelaskan, nilai-nilai inilah yang akan menjadi bekal berharga dalam menghadapi cabaran kehidupan sama ada di sekolah, di alam pekerjaan, mahupun dalam masyarakat.

Dayang Hajah Tutiaty juga menyentuh titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025, baginda menekankan bahawa generasi belia masa kini memiliki semangat dan potensi kepimpinan yang tinggi.

"Transformasi positif dalam menggagas tanggungjawab sebagai pemimpin adalah sangat penting untuk merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035. Baginda juga menyeru agar para belia memperkukuh jati diri melalui ilmu agama dan nilai Melayu Islam Beraja (MIB) demi mempertahankan masa depan negara yang cemerlang dan bermartabat," ujarnya lagi.

Justeru katanya, program seperti ini amat signifikan dalam usaha melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdaya tahan dan bersedia memikul amanah membangunkan negara.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa berucap.

45 pelatih tamat Program Jati Diri Kohort 9



TEMBURONG, Selasa, 7 Oktober.

- Seramai 45 pelatih yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti program-program iSkills Industrial Skills Qualification (ISQ) di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) berjaya menamatkan Program Jati Diri bagi pelajar iSkill Kohort 9 selama 90 hari.

Sehubungan itu, Majlis Penutup bagi meraikan para pelatih berlangsung di Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Batu Apoi, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Setiausaha Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dalam ucapannya menjelaskan bahawa program tersebut selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang menekankan pembangunan modal insan berkualiti, bukan sahaja cemerlang dari segi akademik dan kerjaya, malah kaya dengan nilai moral, bersemangat patriotik serta berperanan sebagai agen perubahan positif dalam

masyarakat.

"Generasi muda adalah aset terpenting negara. Mereka merupakan agen utama transformasi sosial dan ekonomi. Dalam era yang semakin mencabar, jati diri yang kukuh akan menjadi benteng untuk kita tidak hanyut dengan pengaruh negatif, sebaliknya kekal teguh pada landasan kebenaran dan nilai murni," ujarnya.

Menurutnya lagi, insan yang memiliki jati diri kukuh akan melahirkan masyarakat yang bersatu padu, berdaya tahan dan bersedia memikul amanah pembangunan negara dan inilah teras yang akan membawa kita lebih dekat kepada pencapaian Wawasan Brunei 2035 sekali gus melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan memiliki kualiti hidup terbaik di rantau ini.

Sehingga kini tambahnya, seramai 917 pelajar IBTE berjaya mengikuti Program Jati Diri sejak ia mula diperkenalkan pada bulan November 2022 dan pencapaian ini merupakan lambang kejayaan bersama, hasil kerjasama erat antara Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM), Pusat



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Program Jati Diri bagi pelajar iSkill Kohort 9 (atas dan kiri). Manakala gambar bawah kanan, Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dalam ucapannya.

Pekerjaan Brunei (PPB), IBTE dan Bahagian Khidmat Bakti Negara (BKBN).

Pada majlis itu, 1924 Muhammad Nasy'ul Wafiy bin Haji Hassan dari Platun 2 dan 1950 Nur Syarifah Aida binti Muhammad Safwan dari Platun 1 masing-masing diumumkan sebagai Pelatih Terbaik Keseluruhan Lelaki dan Wanita.

Manakala 1930 Awangku Muhd. Hadi bin Pengiran Abd. Rahman dari Platun 2 dipilih sebagai Pelatih Terbaik Kawad Lelaki; 1951 Nurin Faqehah binti Zul Fakhri dari Platun 2 dipilih sebagai Pelatih Terbaik Kawad Wanita; 1900 Muhammad Hakeme Yazid bin Said dari Platun 1 pula diumumkan sebagai Pelatih Terbaik Jasmani Lelaki dan 1952 Nurul Huda binti Ahmad Reduan@Priyanka Parvani@Toshani dari Platun 1 diumumkan sebagai Pelatih Terbaik Jasmani Wanita.

Program Jati Diri yang diunkayahkan dengan kerjasama padu antara Jabatan Perdana Menteri melalui PPTM dan PPB, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui BKBN dan Kementerian Pendidikan melalui IBTE itu bertujuan untuk menyemai nilai-nilai keperibadian dan jati diri yang teguh dalam kalangan para pelajar.

Matlamat Program Jati Diri ini adalah untuk meningkatkan, memupuk dan mengukuhkan integriti, disiplin, rasa bertanggungjawab, prinsip keagamaan dan juga mengubah minda para pelatih agar lebih berdaya tahan.

Sebelum menjalani latihan Program Jati Diri ini, pelatih-pelatih terlebih dahulu menamatkan

pengajian mereka selama enam bulan di IBTE, dan selepas ini pelatih akan menjalankan tiga bulan latihan di Registered Training Organisations (RTOs) dan tiga bulan penempatan kerja di dalam industri.

Beberapa komponen telah ditekankan dalam Program Jati Diri ini iaitu pertama, komponen jati diri, keagamaan dan kenegaraan; kedua, komponen disiplin dan latihan fizikal; ketiga, komponen keusahawanan; dan keempat, komponen khidmat komuniti.

Dengan adanya komponen-komponen ini, para pelatih diharap akan lebih bersedia dari segi fizikal, mental, emosi dalam menghadapi cabaran dan rintangan terutama sekali apabila melangkah ke alam pekerjaan yang semakin mencabar.

Selain menerapkan nilai-nilai



moral, pelatih diharap bersedia menggagas tugas yang diberikan dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi dalam menyumbang kepada diri sendiri, masyarakat dan negara serta berperanan sebagai contoh teladan bagi generasi tenaga kerja yang akan datang.



SERAMAI 45 pelatih yang terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengikuti program-program iSkills Industrial Skills Qualification (ISQ) di IBTE berjaya menamatkan Program Jati Diri bagi pelajar iSkill Kohort 9 selama 90 hari.

PROGRAM Jati Diri yang diunkayahkan dengan kerjasama padu antara Jabatan Perdana Menteri melalui PPTM dan PPB, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan melalui BKBN dan Kementerian Pendidikan melalui IBTE itu bertujuan untuk menyemai nilai-nilai keperibadian dan jati diri yang teguh dalam kalangan para pelajar.

Matlamat Program Jati Diri ini adalah untuk meningkatkan, memupuk dan mengukuhkan integriti, disiplin, rasa bertanggungjawab, prinsip keagamaan dan juga mengubah minda para pelatih agar lebih berdaya tahan.



Keprihatinan Raja Isteri sanjungan rakyat

Oleh : Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam selaku permaisuri negara, sememangnya amat prihatin dengan golongan memerlukan di negara ini menjadikan baginda permaisuri idola yang dikasihi dan dihormati rakyat jelata.

Sokongan dan penglibatan baginda dapat dilihat dalam pelbagai program kebajikan yang dilaksanakan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) seperti bantuan pendidikan, perubatan dan keperluan asas untuk keluarga kurang berkemampuan.

Baginda juga sering berangkat menghadiri acara-acara amal dan memberikan galakan kepada masyarakat untuk terus membantu sesama insan. Peribadi baginda yang penyayang dan pekeritnya yang luhur menjadikan baginda seorang permaisuri yang rela bercemar duli dan tidak kekuk untuk bergaul mesra dengan rakyat.

Sebagai Raja Isteri, keprihatinan dan pemedulian yang rapi baginda terhadap kegiatan-kegiatan wanita di negara ini merupakan satu anugerah yang sangat berharga terutamanya dalam kegiatan-kegiatan berkebakikan. Keberangkatan baginda di pelbagai acara dan kegiatan kaum wanita mencerminkan sokongan baginda yang padu, sekali gus memperlihatkan sikap prihatin dalam menyokong perpaduan wanita di negara ini.

Penglibatan baginda dalam pelbagai badan kebajikan, sosial serta aktiviti-aktiviti bagi membangunkan wanita di seluruh negara justeru mencerminkan sikap baginda yang sentiasa menyokong pembangunan wanita di negara ini ke arah kehidupan yang lebih baik dan berkualiti.

Baginda sebagai penaung kepada pelbagai organisasi wanita seperti Majlis Wanita Negara Brunei Darussalam (MWNBD), Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Persatuan Pandu Puteri Brunei Darussalam (PPBD), Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) dan lain-lain,

sentiasa menekankan kepentingan memperkasa peranan wanita dalam sama-sama berganding bahu memajukan pembangunan negara apa lagi dalam menuju Wawasan Brunei 2035.

"Kepada Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri, khususnya mereka yang masih di peringkat belia dan remaja, mereka ini hendaklah sentiasa memelihara lunas-lunas dan etika persatuan, berusaha dengan gigih untuk meningkatkan keupayaan diri, sama ada selaku ahli persatuan, mahupun sebagai seorang belia remaja yang seharusnya bersedia untuk menjadi pemimpin di masa akan datang". - Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Pandu Puteri 2011 pada 16 Oktober 2011.

"...walaupun seseorang itu sibuk di tempat kerja ataupun dalam kegiatan bersama badan-badan kebajikan, ia perlu sentiasa ingat kepada tanggungjawab dan perhatiannya terhadap keluarga dan rumah tangganya. Ini terutama sekali dalam memberikan masa yang secukupnya dan quality time kepada anak-anak yang sememangnya memerlukan belaian kasih sayang dari ibu bapa". - Petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan merasmikan Pameran Urusan Rumah Tangga 2001 yang diselenggarakan oleh Persatuan PERTIWI pada Jumaat, 27 Julai 2001.

Selain itu, baginda turut menekankan pentingnya penglibatan wanita dalam aktiviti sukan dan sebagai cerminan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat serta keprihatinan terhadap golongan yang memerlukan.

Pelbagai usaha kebajikan telah dilaksanakan, termasuk pemberian sumbangan peribadi baginda kepada ibu tunggal yang berdaftar di Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Majlis Ugama Islam Brunei serta anak damit yang lahir pada 7 Oktober 2009 hingga 7 Oktober 2010. Ini mencerminkan sikap penyayang baginda yang berjiwa rakyat dan sentiasa prihatin terhadap

keperluan masyarakat.

Sebagai tokoh diraja yang terkenal dengan keprihatinan dan sumbangan dalam bidang kebajikan serta kemasyarakatan, baginda secara aktif melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan amal bagi membantu golongan yang kurang bernasib baik. Usaha ini mencerminkan peranan besar institusi diraja dalam membentuk masyarakat yang penyayang dan bersatu padu, di samping memperlihatkan nilai-nilai murni yang sentiasa ditekankan dalam kepimpinan negara serta menjadi teladan yang luhur kepada semua lapisan masyarakat. Baginda juga merupakan seorang figura yang cukup disegani dan dihormati sebagai permaisuri di negara kita.

Kepentingan kaum wanita

Baginda turut menekankan kepentingan wanita dalam membina institusi keluarga yang kukuh sebagai asas kepada masyarakat yang harmoni, di samping mengingatkan tentang keperluan menyeimbangkan komitmen kerjaya

dengan tanggungjawab terhadap keluarga serta membimbing anak-anak dengan kasih sayang dan nilai-nilai murni.

Wanita di negara ini bertuah kerana kerajaan pimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengiktiraf sumbangan yang diberikan oleh kaum wanita terhadap pembangunan negara.

Bilangan wanita yang mencapai kejayaan dan berkelulusan tinggi khususnya dalam bidang profesional seperti perundangan, kedokteran, kejuruteraan, arkitek dan lain-lain bidang yang mencabar semakin meningkat. Dengan adanya kelulusan-kelulusan tinggi yang diperolehi oleh kaum wanita di Negara Brunei Darussalam, banyak jawatan tinggi dan penting dalam pentadbiran negara dan di sektor-sektor swasta telah diisi oleh kaum hawa.

Selain pengiktirafan kerajaan, kejayaan wanita di negara ini juga mendapat perhatian khusus daripada Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda

Raja Isteri.

Dengan keperibadian baginda yang penuh dengan sifat keibuan, kasih sayang dan kesederhanaan, baginda menjadi suri teladan bukan sahaja kepada wanita Brunei malah kepada seluruh lapisan masyarakat.

Baginda percaya bahawa wanita memainkan peranan penting bukan sahaja dalam rumah tangga sebagai ibu dan pendidik anak-anak tetapi juga dalam sektor sosial, ekonomi, pendidikan dan kebajikan. Di samping itu, sebagai Raja Isteri, baginda turut memainkan peranan besar dalam aspek kebajikan rakyat, pemeliharaan adat budaya Brunei serta pembangunan pendidikan.

"Beta dengan ikhlas berdoa mudah-mudahan apa juga aktiviti dan usaha-usaha yang berkebakikan yang dirancang dan diungkuhkan oleh Majlis Wanita ini akan beroleh kejayaan, bukan saja dalam memperbaiki dan meningkatkan taraf wanita dalam segala bidang tetapi juga mendatangkan manfaat kepada masyarakat dan negara". - Petikan titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan merasmikan Penubuhan dan Mesyuarat Agung Pertama MWNBD pada 6 Julai 1986.





KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
DRG / 136 / 2025 / PHARM (TC)**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND30.00**Bilangan Tawaran:**
DRG / 137 / 2025 / PHARM (TC)**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND30.00**Bilangan Tawaran:**
DRG / 138 / 2025 / PHARM (TC)**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND 10.00**Bilangan Tawaran:**
DRG / 139 / 2025 / PHARM (TC)**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND 10.00**Bilangan Tawaran:**
DRG / 140 / 2025 / PHARM (TC)**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND10.00**Bilangan Tawaran:**
DRG / 141 / 2025 / PHARM (TC)**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND10.00**Bilangan Tawaran:**
DRG / 142 / 2025 / PHARM (TC)**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND10.00**Bilangan Tawaran:**
DRG / 143 / 2025 / PHARM (TC)**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND10.00**Bilangan Tawaran:**
DRG / 144 / 2025 / PHARM (TC)**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND10.00**Bilangan Tawaran:**
DRG / 145 / 2025 / PHARM (TC)**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND50.00**Bilangan Tawaran:**
DRG / 146 / 2025 / PHARM (TC)**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND 50.00**Tarikh Tutup:**
Selasa 28 Oktober 2025
Tidak lewat jam 2.00 PetangKEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**Pusat Kebangsaan E-Kerajaan,
Kementerian Pengangkutan Dan
Infokomunikasi****Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
EGNC / PM / 4.1 / 2.2025
Renewal of Internet Leased Line
Subscription for EGNC,
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan
(EGNC),
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi (MTIC)**Tarikh Tutup:**
Selasa,
4 November 2025**Bilangan Tawaran:**
KK / 292 / 2025 / LAB(TC)**Keterangan:**
To Supply And Deliver Laboratory Test Kit And Reagent (Clostridium Difficile Toxin) For National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage**Yuran Tawaran:**
BND10.00**Bilangan Tawaran:**
KK / 293 / 2025 / LAB(TC)**Keterangan:**
The Provision Of Outsourcing Removal, Transportation And Treatment Of Liquid Waste For National Histology And Cytology Reference Laboratory & Mortuary Services/ Histology Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND10.00**Bilangan Tawaran:**
KK / 294 / 2025 / LAB(TC)**Keterangan:**
To Supply And Deliver Antibiotic E-Test Strips For National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage**Yuran Tawaran:**
BND30.00**Bilangan Tawaran:**
KK / 295 / 2025 / LAB(TC)**Keterangan:**
The Provision Of Biological Samples

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan
Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025
/ TU / TA / 09
Pembelian Locking Set Bagi
Tentera Udara Diraja Brunei**Yuran Tawaran:**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)**Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu Selasa, 21
Oktober 2025.****Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa 28 Oktober 2025
Jam 2.00 PetangTransportation And Laboratory
Related Logistic Services For
Department Of Laboratory Services,
Ministry Of Health For A Period Of
Five (5) Years**Yuran Tawaran:**
BND100.00**Bilangan Tawaran:**
KK / 296 / 2025 / LAB(TC)**Keterangan:**
To Supply And Deliver Laboratory Testing Kits And Consumables For Semen Analysis And Sperm Preparation For National Histology And Cytology Reference Laboratory & Mortuary Services (Andrology Laboratory), Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage**Yuran Tawaran:**
BND10.00**Bilangan Tawaran:**
KK / 297 / 2025 / LAB**Keterangan:**
The Provision Of Outsourcing Laboratory Tests For Outsourcing HPV Molecular Tests For National Histology And Cytology Reference Laboratory & Mortuary Services, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of One (1) Year Usage**Yuran Tawaran:**
BND100.00**Bilangan Tawaran:**
KK / 298 / 2025 / PHARM**Keterangan:**
The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services
Ministry Of Health**Yuran Tawaran:**
BND10.00**Tarikh Tutup:**
Selasa 21 Oktober 2025
Tidak lewat jam 2.00 PetangJABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA
MENTERI**Bilangan Sebut Harga:**
(108) INFO / PK / K / 7
(2025-2026)**Tajuk Sebut Harga :**
Membekalkan Aksesori
Penggambaran Video**Tarikh Tutup:**
Khamis, 16 Oktober 2025,
Jam 8.00 Pagi

Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
KK / 285 / 2025 / ESTETMOH(TC)
The Preventive and Corrective Maintenance Services for Effluent Decontamination System, And Autoclave at Clinical Molecular Diagnostics Laboratory for Infectious Diseases (CMDLID) For A Period of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND30.00**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
KK / 286 / 2025 / ESTETMOH(TC)
Specifications for The Provision of Maintenance Services for Fire Alarm System, Fire Hose reel System, And Fire Extinguishers at Clinical Molecular Diagnostics Laboratory for Infectious Diseases (CMDLID) For A Period of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND10.00**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
KK / 287 / 2025 / PIHM(TC)
Supply and Delivery of Medical Gases to Pengiran Isteri Hajjah Mariam Hospital for A Period of Three (3) Years**Yuran Tawaran:**
BND10.00**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
KK / 288 / 2025 / LAB(TC)
To Supply and Deliver Laboratory Store Consumables (Adhesive Labels), Department of Laboratory Services, Ministry of Health for A Period of Three (3) Years Usage**Yuran Tawaran:**
BND30.00**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
KK / 289 / 2025 / LAB(TC)
To Supply and Deliver POC-Blood Ketone Strips With 40 Units Glucometer Rental for Point of Care Testing Section, Department of Laboratory Services, Ministry of Health for A Period of Five (5) Years Usage**Yuran Tawaran:**
BND30.00**Tarikh Tutup:**
Selasa 14 Oktober 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

JPt / SH / 84 / 2025-2026
Supply, Install And Testing Of New HDPE Pipe Connection At Lot 126 KKP Batumpu

JPt / SH / 85 / 2025-2026
Membersih Saliran Di KKP Kulapis, Daerah Brunei Muara

JPt / SH / 86 / 2025-2026
Preventive Maintenance Services Of Shimadzu UV-VIS Spectrophotometer 2700

JPt / SH / 16(A) / 2025-2026
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Bangunan Mulaut Dan Lampaki Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Daerah Brunei Muara Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 58(A) / 2025-2026
Penyewaan Tempat Penyimpanan Biji Benih Padi Selama Dua (2) Tahun

JPt / SH / 87 / 2025-2026
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'A' Brunei Muara District, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For The Period Of Twelve (12) Months

JPt / SH / 88 / 2025-2026
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'D' (Belait And

Tutong District). Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For The Period Of Twelve (12) Months

JPt / SH / 89 / 2025-2026
Term Contract For Electrical Works And Maintenance Services For Building And Vicinities Under The Department Of Agriculture And Agrifood, Negara Brunei Darussalam

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada
Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Khamis, 6 November 2025.

Borang Sebut Harga:
BND7.00



Pemberitahuan Sebut Harga Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Khamis, 30 Oktober 2025.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

JPt / SH / 81 / 2025-2026
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of Shaking Incubator

JPt / SH / 82 / 2025-2026
To Provide And Deliver Consumables, Chemicals And Reagents For Analysis In Nutrition And Toxicology Laboratory

JPt / SH / 83 / 2025-2026
To Perform Preventive Maintenance Service For LCMS And Extraction Arms At VLS, KKP Terunjing



Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Khamis, 16 Oktober 2025.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

JPt / SH / 74 / 2025-2026
Kerja-Kerja Pembaikan Am Bangunan-Bangunan Makmal Veterinar KKP Terunjing & Bangunan Di Stor Pusat Mulaut Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan, Negara Brunei Darussalam

JPt / SH / 75 / 2025-2026
Membekal Baja NPK 15:15:15 Sebanyak 300 Beg (50kg / Beg) Bagi Kegunaan Penyelidikan Padi

JPt / SH / 76 / 2025-2026
Perkhidmatan Pengurusan Dan Pemindahan Peralatan / Perabot Pejabat, Teknikal / Heavy Machines, Makmal Dan IT Di Pusat Penyelidikan Pertanian Brunei (BARC), Kilanas

JPt / SH / 77 / 2025-2026
Supply, Installation, Removal And Replacement Of Aluminium Mesh At Stesen Penyelidikan Pertanian Birau, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan

JPt / SH / 78 / 2025-2026
Kerja-Kerja Memotong Rumput Dan Membersih Kawasan Di Stesen Kemajuan Pertanian Daerah Tutong, Kampong Birau Untuk Tempoh Satu (1) Tahun

JPt / SH / 79 / 2025-2026
Kerja-Kerja Perkhidmatan Memungut Dan Membuang Sampah Sarap Di Kawasan Pusat Agribisnes Rimba Dan Sekitarnya Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

JPt / SH / 80 / 2025-2026
Pembangunan Panel Nutrisi Bagi Produk-Produk Agrimakanan



DA / JKSH / 111 / 2025 / 2026 [BPPA-OKT-2025]
Sebut Harga Perkhidmatan Café Bagi Pusat Perkhidmatan Setempat, Negara Brunei Darussalam Bagi Tempoh Enam (6) Bulan.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:

Tawaran Untuk Berniaga Di Petak Jualan Di Pusat Hortikultur Rimba, Gadong

Bilangan:
07 / 2025

Tawaran bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di Petak Jualan seperti berikut :-

Lokasi:
Pusat Hortikultur Rimba, Gadong Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Petak:
A1

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan penjualan tanaman hiasan, semaian serta barang-barang input pertanian yang berkaitan

Bilangan:
08 / 2025

Tawaran bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menyewa di Petak Jualan seperti berikut

Lokasi:
Pusat Hortikultur Rimba, Gadong Daerah Brunei dan Muara.

Keterangan Petak:
A2

Syarat:
Bagi menjalankan kegiatan penjualan tanaman hiasan, semaian serta barang-barang input pertanian yang berkaitan

Tempoh iklan:
4 minggu

Tarikh mula iklan:
Rabu,
8 Oktober 2025

Tarikh berakhir iklan:
Sabtu, 8 November 2025

Tarikh akhir menghantar:
Sabtu, 22 November 2025 sebelum jam 3.00 Petang

Harga penjualan borang:
BND1.00 / borang



Sabtu, 18 Oktober 2025
Jam 9.00 Pagi



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
(VI Sahaja)

Kategori:
[KA01 & M03 Sahaja]

Tarikh Tutup:
28 Oktober 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam: 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 043 / 2025

Nama Projek:
Menaiktaraf Loji Rawatan Air Dan Penyambungan Paip Air Utama Bagi Kesemua Daerah : Loji Rawatan Air Bukit Barun Peringkat 6 & 7, Daerah Tutong (Fasa-1)

Yuran Tawaran:
BND1,000.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(V / VI Sahaja)

Kategori:
[KA01 Sahaja]

Tarikh Tutup:
28 Oktober 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Ptang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 041 / 2025

Nama Projek:
Penambahbaikan Rangkaian Sistem Paip Air Utama Dan Tangki-Tangki Air Bagi Kesemua Daerah: Membekal Dan Memasang Paip-Paip Air Utama Inlet Baru Ke Tangki Simpanan Jerudong 1 Dan Tangki Simpanan Rimba, Daerah Brunei Muara

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III, IV Dan V

Kategori:
E01 Dan KPME05

Tarikh Tutup:
Selasa
4 November 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 34 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Menaiktaraf Dan Penggantian Sistem Penggera Kebakaran Di Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)




**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**
Notis Sebut Harga
Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

 RTB / K / 114 / 25 - 26
Percetakan Dan Pembekalan
Untuk Cenderamata RTB

Bayaran Yuran:

 BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:

 BND5.00
(jika perlu dan
tidak dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:

 Rabu,
15 Oktober 2025,
jam 2.00 Petang

**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Bagi:

 Membekal Dan Menghantar Baju
Hujan (Rain Coat) Complete With
Reflector Dan Wording
(Ruj: JBP / TSH / 34 / 2025-2026)

 Membekal Dan Menghantar
Moulded Shoes For Male
(Ruj: JBP / TSH / 35 / 2025-2026)

 Membekal, Memotong Dan
Menjahit Pakaian Seragam
Bomba
(Ruj: JBP / TSH / 36 / 2025-2026)

 Membekal Dan Menghantar
Peak Cap
(Ruj: JBP / TSH / 37 / 2025-2026)

 Membekal Dan Menghantar
Moulded Shoes For Female
(Ruj: JBP / TSH / 38 / 2025-2026)

 Supply, Dismantle And Install Of
New Aircond To Make All
Necessary Works And
Accessories
(Ruj: JBP / TSH / 39 / 2025-2026)

 Supply And Install Of Boltless
Rack
(Ruj: JBP / TSH / 40 / 2025-2026)

 Membekal Dan Mencetak Borang,
Letterhead, File, Buku Dan
Envelop Urusan Kerajaan
(Ruj: JBP / TSH / 41 / 2025-2026)

Tarikh Tutup / Jam:

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 97 / 25-26

 Perolehan Rancangan
Luar Negeri

 Genre: English Feature /
Blockbuster Movie – Family,
Inspirational, Comedy, Action,
Sci-Fi, Adventure

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 92 / 25-26

 Perolehan Rancangan
Luar Negeri

 Genre: Magazines – Cooking:
International / Halal

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 93 / 25-26

 Perolehan Rancangan
Luar Negeri

 Genre: Magazines - Cooking:
Regional Asia / Halal

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 94 / 25-26

 Perolehan Rancangan
Luar Negeri

 Genre: Magazines - Talkshow /
Factual: Health / Human
Interest

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 95 / 25-26

 Perolehan Rancangan
Luar Negeri

 Genre: Magazines - Islamic
Factual / Reality: Travelogue

Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 96 / 25-26

 Perolehan Rancangan
Luar Negeri

 Genre: Documentary - Reality /
Factual: Nature / Environment /
World Awareness

Bayaran Yuran:

 BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas (Hardcopy):

 BND5.00
(jika perlu dan tidak
dikembalikan)

Tarikh Tutup:

 Rabu,
15 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

 Khamis,
30 Oktober 2025
1.50 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**
Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

JKP / SH / 2025-2026 / 47:

 "Reprinting of Brunei Tourism
Brochures and Informational
Materials"

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

JKP / SH / 2025-2026 / 48:

 "To Provide Multilingual
Translation Services for Brunei
Tourism Brochures"

Tarikh Tutup Tawaran:

 Khamis,
30 Oktober 2025,
Jam 2.00 Petang


جايون كاجي چواجا بروني دارالسلام


**JABATAN KAJICUACA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**
**Sebut Harga bagi Perkhidmatan
/ Pembekalan:**

 Kerja-Kerja Pembuatan Dan
Pemasangan Papan Tanda
Baharu Dan
Kerja-Kerja Pembaikan Papan
Tanda Sedia Ada Bagi
National Automatic Weather
Station (NAWS), Jabatan
Kajicuaca Brunei Darussalam

Bilangan Sebut Harga:

JKBD / 2025 / SH-07

Hari / Tarikh / Waktu Tutup:

 Rabu,
15 Oktober 2025
Jam 9.00 Pagi

Kepada;

 Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajicuaca Brunei
Darussalam
Tingkat 1, Blok B23,
Flat Anggerek Desa,
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa,
Mukim Berakas, BB3713
Negara Brunei Darussalam

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

JKP / SH / 2025-2026 / 49

 "Supply and Delivery of Brunei
Tourism Merchandise"

Tarikh Tutup Tawaran:

 Khamis,
13 November 2025,
Jam 2.00 Petang

**PUSAT PENGURUSAN
BENCANA KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Bilangan Tawaran:

(16) NDMC / TSH / 2024-2025

Sebut Harga

 Kelengkapan-Kelengkapan
Keselamatan (PPE) Bagi
Peningkatan Keupayaan Operasi
Bagi Pusat Pengurusan Bencana
Kebangsaan Bagi Tahun 2024 /
2025

Bilangan Tawaran:

(17) NDMC / TSH / 2024-2025

Sebut Harga

 Kelengkapan-Kelengkapan
Perkakas Bagi Peningkatan
Keupayaan Operasi Bagi Pusat
Pengurusan Bencana
Kebangsaan Bagi Tahun 2024 /
2025

Bilangan Tawaran:

(18) NDMC / TSH / 2024-2025

Sebut Harga

 Kelengkapan-Kelengkapan
Elektronik Bagi Peningkatan
Keupayaan Operasi Bagi Pusat
Pengurusan Bencana
Kebangsaan Bagi Tahun 2024 /
2025

Bilangan Tawaran:

(22) NDMC / TSH / 2024-2025

Sebut Harga

 Kelengkapan-Kelengkapan
Kanvas Bagi Peningkatan
Keupayaan Operasi Bagi Pusat
Pengurusan Bencana
Kebangsaan Bagi Tahun 2024 /
2025

Tarikh Tutup Tawaran :

 Rabu
22 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PENDIDIKAN
**DA / JKSH / 112 / 2025 / 2026
[BPPA-OKT-2025]**

 Sebut Harga Perkhidmatan Kantin
Bagi :

 Kantin Ibu Pejabat Kementerian
Pendidikan
Jalan Airport Lama, Berakas
Daerah Brunei Muara
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:

Tertakluk Kepada Pengusaha

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:

 Sabtu,
25 Oktober 2025
Jam 9.00 Pagi

Syarat Khas

 Dibukakan Khas Bagi Warga
Negara Dan Penduduk Tetap
Negara Brunei Darussalam,
Pemilik Syarikat / Premis Syarikat
Hendaklah Beralamat (Mengikut
Sijil Perniagaan 16 / 17) Di
Tempat Kantin Berkenaan
Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya
Pemilik Syarikat / Premis Syarikat
Yang Beralamat Di Daerah Tutong
Yang Dapat Dipertimbangkan
Untuk Mengendalikan Kantin Di
Sekolah-Sekolah Yang Bertapak
Di Daerah Tutong.

**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**
Bilangan Sebut Harga:
04 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:

 Supply, Deliver And Installation Of
Television Set

Bayaran Sebut Harga:

 BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:

 Rabu,
22 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang




JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
(49) QTN / BKISHHB / 2023 / PT.1

Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Design, Customization, Development, Integration, Testing, Verification, Commissioning And Maintenance Of BKISHHB Online Ticketing System For Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Brunei Darussalam

Sesi Penerangan (Information Day):
Selasa,
21 Oktober 2025

Tarikh Tutup:
Selasa, 25 November 2025
(Tidak lewat jam 2.00 petang)



Unit Tahanan Dan Pemulihan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri

Jabatan Perdana Menteri

Bilangan Tawaran:
JKDN / UTP / 1 / 2025
Kain dan Menjahit Pakaian Seragam bagi Pegawai dan Kakitangan Unit Tahanan dan Pemulihan, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Jabatan Perdana Menteri

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
30 Oktober 2025
Jam 3.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2025-2026 / BPAK / 05

Tajuk Tawaran:
Pengurusan dan Pengendalian Gerai Malam Hujung Minggu (Weekend Night Market) di Pusat Bandar, Bandar Seri Begawan Bagi Bulan November dan Disember sempena Sambutan Memperingati Hari Ulang Tahun Penukaran Nama Bandar Brunei ke Bandar Seri Begawan Kali ke 55 Bagi Tahun 2025.

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh:
Bahagian Pengurusan Aset Komersial Tingkat 2, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan Jabatan Perdana Menteri



Nama Tawaran:
Tawaran bagi Perkhidmatan Mesin Layan Diri 'Vending Machine Service'

Bilangan Tawaran:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 67 / BPKB / 08

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JDBM / Q / 67 / 2025

Tawaran:
Membekal Kayu Tambahan Bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih Kerosakan Jambatan-Jambatan Utama Keseluruhan Mukim Di Kampong Ayer, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup:
Selasa, 21 Oktober 2025

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025-2026 / 53 / ADMIN / 04

Tajuk Sebut Harga:
Insurans Berkelompok Perlindungan Diri Seramai 146 Orang Pegawai Dan Kakitangan Yang Bertugas Di Luar Pejabat Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 16 Oktober 2025
Jam 2.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Kaunter Perkhidmatan, Bahagian Pentadbiran, Tingkat 4, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan Jalan Perdana Menteri



**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran:
(71) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Supply and Install New Signage at National Swimming Pool, HBNSC

Bilangan Tawaran:
(72) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Pengurusan dan Pelaksanaan Pelbagai Acara Hujung Tahun 1447H / 2025M Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas

Bilangan Tawaran:



(/4) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Supply and Install of New Stone Polymer Composite (SPC) Flooring at VIP Room at Multi-Purpose Hall, HBNSC

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis
16 Oktober 2025



**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / TTCTFBJBKBTM / 2025 - 2026

Keterangan Projek:
To Transport One (01) Compress Truck From Bengkel Jabatan Bandaran Kuala Belait, Lorong Setia Di-Raja Kuala Belait, To Serasa Muara

Bilangan Tawaran:
01 / BBS / TMGCCCKBMA(3) / 2025 - 2026

Keterangan Projek:
Three (3) Months Grass Cutting Contract In Kuala Belait Municipal Area

Yuran Tawaran:
BND5.00 (Non-Refundable)

Tarikh Tutup:
Selasa,
14 Oktober 2025



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPKK / JKSH2526-QTN.09 / ADM Installation Of SPC Flooring And Refix Existing Loose Glass Counter Shield For Treasury Department, Kuala Belait Branch

Tarikh Tutup / Jam:
18 Oktober 2025 – Sabtu (9.00 Pagi)

Tempat Menghantar Tawaran:
Peti Sebut Harga, Jabatan Perbendaharaan Tingkat 2, Tower Block Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam



Bilangan Tawaran:
KHEU / JPI / JKS / 09 / 2025-2026

Keterangan:
Membekal Dan Menghantar Bahan-Bahan Kimia Bagi Makmal Sains, Sekolah Tinggi Arab Haji Hassanal Bolkiah (STAHB), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1447H-1448H / 2025M-2026M

Bayaran Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu, 30 Rabiulakhir 1447H / 22 Oktober 2025M, tidak lewat jam 2.00 Petang.



MAKLUMAN

**TATACARA PENYAMPAIAN DAN
MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN**

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.
Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



PERSEMBAHAN MALAM GEMILANG UBD, 11 OKTOBER INI

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

TUNGKU, Isnin, 6 Oktober. – Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam Ke-79, Tahun 2025 serta Ulang Tahun Ke-40 Universiti Brunei Darussalam (UBD), universiti berkenaan akan menganjurkan satu persembahan istimewa dinamakan Malam Gemilang UBD pada 11 Oktober 2025, bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Berakas.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Timbalan Pendaftar (Akademik), UBD, Dayang Hajah Joanna binti Haji Yacob semasa Sidang Media yang diadakan di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan UBD, petang tadi.

Menurut beliau, acara berkenaan dibukakan kepada orang ramai secara percuma dan akan menampilkan pertunjukan dron, persembahan padang serta diakhiri dengan pertunjukan bunga api.

Jelasnya lagi, tiket adalah percuma dan boleh didapatkan di Pusat Seni Pro-Canselor, UBD bermula 8 hingga 10 Oktober 2025 dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang, kecuali Jumaat, kaunter tiket akan ditutup dari jam 12 tengah hari hingga 2.00 petang.

Selain itu katanya lagi, tiket juga boleh didapati di beberapa cawangan terpilih, iaitu Imagine Sdn. Bhd., termasuk Airport Pavilion, Citis Square, SupaSave Panaga, Medan Tanjong Bunut dan Manggis Mall, tertakluk kepada waktu operasi setiap cawangan.

Dayang Hajah Joanna seterusnya menjelaskan, tiket adalah terhad diberikan



TIMBALAN Pendaftar (Akademik), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dayang Hajah Joanna binti Haji Yacob semasa berucap pada Sidang Media yang diadakan di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan UBD.

berdasarkan 'siapa cepat dia dapat', dengan had maksimum lima keping tiket bagi setiap individu. Kanak-kanak berumur dua tahun ke atas turut memerlukan tiket masing-masing.

Persembahan dijadualkan bermula pada 8.15 malam dan oleh kerana tempat duduk adalah bebas, para pemegang tiket dinasihatkan untuk hadir lebih awal. Pintu masuk stadium akan dibuka mulai 5.30 petang.


Bagi melancarkan aliran trafik, jalan raya di sekitar SNHB dan Kompleks Sukan Renang, SNHB akan ditutup sementara dan perkhidmatan bas ulang-alik disediakan dari Kementerian Pendidikan di Lapangan Terbang Lama Berakas bagi kemudahan orang ramai.

Maklumat lanjut serta sebarang kemas kini mengenai acara berkenaan boleh diperoleh melalui akaun Instagram rasmi @ubddroneshow.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PERKESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda



MINDA PEMBACA

Akhlak Rasulullah : Cermin diri seorang mukmin

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam ialah contoh teladan terbaik dalam semua aspek kehidupan, terutamanya dari segi akhlak. Baginda terkenal sebagai seorang yang jujur, sabar, pemaaf dan penyayang, bukan sahaja kepada kaum Muslimin tetapi juga kepada semua manusia dan makhluk lain. Akhlak mulia inilah yang menjadi cermin diri bagi setiap mukmin untuk diteladani dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21 yang bermaksud : "Sesungguhnya, telah ada pada diri Rasulullah itu teladan yang baik bagimu iaitu bagi orang yang mengharap rahmat Allah dan (kedatangan) hari kiamat serta yang banyak mengingati Allah". Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah model akhlak yang patut dicontohi oleh setiap Muslim yang mengharap keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhlak Rasulullah tidak hanya terserlah ketika baginda berdakwah, malah dalam kehidupan harian, baginda sentiasa menunjukkan kelembutan dan keadilan dalam tutur kata serta tindakan. Baginda sentiasa menjaga tutur kata, menghormati orang lain tanpa mengira kedudukan, dan tidak pernah bersikap kasar, walaupun terhadap orang yang memusuhinya. Seorang mukmin yang sejati perlu menjadikan akhlak Rasulullah sebagai panduan dalam berinteraksi dengan keluarga, rakan, jiran dan masyarakat.

Di zaman moden ini, kita sering berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial seperti kebencian, fitnah dan permusuhan. Menjadikan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai panduan hidup membolehkan seorang mukmin menyebarkan nilai-nilai kebaikan dalam masyarakat dan menggalakkan kehidupan yang lebih harmoni.

Kesimpulannya, akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bukan sahaja menjadi teladan kepada umat Islam, malah mampu membentuk peribadi yang luhur dan dihormati. Menjadikan baginda sebagai pedoman merupakan tanda keimanan dan jalan menuju keredaan Ilahi.

Nama : Muhammad Firdaus bin Sudirman
No. K/P : 01-127XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Teknologi dan Masa Depan Pendidikan Anak Bangsa'. Tarikh Tutup : 8 Oktober 2025
2. 'Membina Masyarakat Penyayang di Era Globalisasi'. Tarikh Tutup : 15 Oktober 2025
3. 'Peranan Sedekah Dalam Pembentukan Sahsiah Murni'. Tarikh Tutup : 22 Oktober 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunel@information.gov.bn

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KELESTARIAN@PB : MEMPERKUKUH NILAI KELESTARIAN DALAM KEHIDUPAN

■ Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Oktober. - Sempena Majlis Konvokesyen Politeknik Brunei (PB) Ke-11, PB hari ini mengadakan Majlis Perasmian Kelestarian@PB yang berlangsung di Kampus Ong Sum Ping, PB.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat bagi merasmikan majlis berkenaan, Pemangku Pengarah PB, Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman yang sekali gus menyampaikan ucapan perasmian.

Pengiran Dr. Saiful Baharin dalam ucapannya antara lain menjelaskan Kelestarian@PB berkenaan adalah salah satu acara yang dikendalikan di bawah Majlis Pesta Konvo PB pada tahun ini.

Menurutnya, Pesta Konvo PB 2025 yang bertemakan

'Kelestarian Budaya Hidup Belia Kita' memainkan peranan yang penting bukan sahaja sebagai satu sambutan tetapi juga sebagai satu wadah untuk mengiktiraf usaha dan pencapaian bakal graduan Class of 2025 berkenaan sepanjang pengajian mereka.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan perasmian Kelestarian@PB oleh Pemangku Pengarah PB.

Dengan tema Pesta Konvo PB 2025 berkenaan juga turut menyerlahkan inisiatif PB bagi menumpukan usaha memperkukuh nilai kelestarian dalam kehidupan seharian selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

Inisiatif berkenaan juga bertujuan untuk menerapkan budaya kelestarian dalam

PEMANGKU Pengarah Politeknik Brunei (PB), Pengiran Dr. Saiful Baharin bin Pengiran Haji Duraman hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (kanan), manakala gambar bawah kiri, antara yang dijual semasa majlis berkenaan.

kalangan pelajar dan warga PB khususnya serta belia amnya melalui aktiviti-aktiviti harian mereka.

Dengan adanya langkah berkenaan, ia sememangnya selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk mewujudkan rakyat yang memiliki kualiti hidup tinggi dalam persekitaran lestari. Hampir semua aktiviti dalam Pesta Konvo PB 2025 dilaksanakan dengan mengambil kira aspek kelestarian, agar setiap program menyokong pemeliharaan alam sekitar serta menggalakkan amalan hijau dalam kalangan peserta.

PB turut menaruh harapan agar acara berkenaan dapat memberi manfaat yang besar kepada para pelajar, bukan sahaja dari segi pengalaman dan pendedahan tetapi juga dalam memupuk nilai kerjasama dan semangat perpaduan serta kesedaran tentang kepentingan kelestarian.

Di samping itu, Pesta Konvo PB 2025 juga dihasrat menjadi platform berterusan yang dapat memperkukuh hubungan warga PB dengan masyarakat, sekali gus melahirkan golongan pelajar yang berdaya saing dan berwawasan.



Kelestarian@PB akan berlangsung dari 6 hingga 9 Oktober 2025 dan orang ramai dialu-alukan untuk berkunjung bagi sama-sama menyaksikan pameran projek tahun akhir oleh para pelajar PB, menyokong jualan beraneka dan juga taklimat kerjaya yang merangkumi taklimat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Bank Islam Brunei Darussalam (MSME BIBD), proses pengambilan pegawai dan rekrut Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), proses pengambilan Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) serta perkongsian alumni cemerlang PB khusus untuk para penuntut dan bakal graduan.

Selain itu, Kempen Menderma Darah oleh Sekolah Sains Kesihatan dengan kerjasama

Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Centre - JPMP) juga akan diadakan pada Selasa, 7 Oktober 2025.

Sementara itu, Pesta Konvo PB 2025 turut menampilkan pelbagai acara lain antaranya Majlis Khatam Al-Quran pada 9 Oktober 2025, Pesta Sukan PB pada 18 Oktober 2025 dan Malam Kebudayaan Warisan Lestari pada 25 Oktober 2025.

Acara kemuncak Pesta Konvo PB 2025 akan diakhiri dengan Majlis Anugerah Cemerlang Graduan PB pada 28 Oktober 2025. Dalam pada itu, Majlis Konvokesyen PB Ke-11 dijadualkan berlangsung pada 23 Oktober 2025 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.



Pameran PB serlahkan komitmen pendidikan, inovasi, pembangunan rakyat



DAYANG Siti Nur Afifah Khairiyah binti Muhd Nor Arif, Dayang Shakila Diba Rakshanda binti Kaharuddin dan Dayang Nurul Azizah Atiqah binti Muhammad Ali Arman menampilkan sebuah projek tahun akhir mereka berjudul BruFit B-Run (kiri), sementara gambar kanan, Dayang Nur Anis Syafiqah@Nur Anis Asma binti Md. Amin dan Dayang Najwa Iman Wa'ieyah binti Haji Abd Wahab menampilkan sebuah projek tahun akhir mereka berjudul 2into.

■ Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Oktober. - Politeknik Brunei (PB) bukan hanya tempat pembelajaran, namun ia juga tempat di mana individu dilatih dan dibimbing untuk menjadi profesional berkemahiran tinggi dan berdaya tahan dengan kompetensi yang sejajar dengan kehendak industri.

Hal ini jelas terbukti menerusi Pameran Projek Tahun Akhir atau

Final Year Projects (FYP) yang diketengahkan oleh para pelajar PB sebagai pengisian menarik di Kelestarian@PB yang diadakan selama empat hari bermula hari ini hingga 9 Oktober 2025 berlangsung di Kampus Ong Sum Ping, PB.

Berkesempatan ditemu bual oleh Pelita Brunei, sekumpulan pelajar dari School of ICT, PB terdiri

daripada Dayang Siti Nur Afifah Khairiyah binti Muhd. Nor Arif, Dayang Shakila Diba Rakshanda binti Kaharuddin dan Dayang Nurul Azizah Atiqah binti Muhammad Ali Arman telah menampilkan sebuah projek tahun akhir mereka berjudul BruFit B-Run iaitu sebuah aplikasi mudah alih yang direka khas untuk memudahkan orang ramai melakukan aktiviti sukan seperti larian dan juga mendaki bukit berdasarkan pelbagai panduan bermanfaat seperti ramalan cuaca terkini dan adanya peta senarai lokasi riadah yang terdapat di Negara Brunei Darussalam (NBD).

AWANG Hasbul Wafi bin Mohamad Hardi, Dayang Ummi Mardhiah binti Haji Maryadi, Dayang Anisah Balqis Jasmine binti Johairee, Dayang Nur Nasyitah Qistina Binti Abdul Rahiman dan Dayang Meissa'alissah binti Alihan menentengahkan sebuah projek dikenali sebagai Lestari Couture.

Menyentuh mengenai misi projek berkenaan, mereka menjelaskan bahawa ia sememangnya untuk memimpin warga tempatan ke arah masa depan yang lebih sihat dengan menawarkan penyelesaian kecergasan yang inovatif dan memupuk komuniti yang menyokong dan menggalakkan kehidupan aktif serta pertumbuhan peribadi.

"Kami juga ingin menekankan bahawa masa depan di mana kecergasan dan kesejahteraan adalah amat penting dalam kehidupan seharian kita. BruFit B-Run bertujuan untuk memberi inspirasi dan memupuk komuniti di mana individu boleh berkembang maju bersama, membina masyarakat yang lebih sihat dan aktif," ujar ketiga-tiga pelajar berkenaan.

Sementara itu, dua pelajar yang terdiri Dayang Nur Anis Syafiqah@Nur Anis Asma binti Md. Amin dan Dayang Najwa Iman Wa'ieyah binti Haji Abd Wahab pula telah menampilkan sebuah projek

tahun akhir mereka berjudul 2into iaitu sebuah beg tote yang direka khas dengan nilai praktikal dan versatile untuk membawa pelbagai barangan.

Selain itu, mereka juga menambah adanya tulisan jawi di bahagian depan beg tote sejenis foldable itu sememangnya bertujuan untuk menyerlahkan lagi nilai keindahan budaya dan tradisi Brunei kita.

Turut berkesempatan berkongsi ringkas mengenai projek tahun akhir di pameran berkenaan ialah lima pelajar yang terdiri daripada Awang Hasbul Wafi bin Mohamad Hardi, Dayang Ummi Mardhiah binti Haji Maryadi, Dayang Anisah Balqis Jasmine binti Johairee, Dayang Nur Nasyitah Qistina Binti Abdul Rahiman dan Dayang Meissa'alissah binti Alihan yang mana mereka menentengahkan sebuah projek rekaan pakaian tradisi Melayu Brunei yang dikenali sebagai Lestari Couture yang mana ia bertujuan untuk membantu mengekalkan warisan budaya Brunei dengan menjadikan pakaian tradisional khususnya puak-puak Melayu Brunei di negara ini mudah diakses, affordable dan dihargai.

Mereka juga menekankan menerusi projek itu, ia turut dihasrat untuk menyokong kemampanan, memperkasakan pereka busana tempatan dan menawarkan juga menawarkan perkhidmatan sewa yang mudah didapati bukan hanya oleh warga tempatan dan bahkan juga pelancong yang ingin memiliki pengalaman memperagakan keindahan busana tradisi khususnya puak-puak Melayu Brunei.

Sehubungan itu, dengan adanya pameran projek tahun akhir berkenaan, ia juga secara tidak langsung menyerlahkan komitmen PB terhadap pendidikan, inovasi dan pembangunan rakyat untuk sama-sama mencapai Wawasan Brunei 2035.



Brunei beroleh keberkatan luar biasa, ditatang dengan sedekah

Teks : Ihsan Jabatan Mufti Kerajaan dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim**

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُوْلِ اللهِ ، وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
وَوَالِدِهِ . اَمَّا بَعْدُ .

MENGADAP Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Ampun beribu ampun, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung kurnia perkenan untuk Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyempurnakan hajat Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu pada tahun ini bagi Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyampaikan Ceramah Khas bertajuk : 'Negara Brunei Darussalam (NBD) Ditanai Dengan Sedekah'. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga menjunjung kurnia keizinan untuk menyampaikan ceramah ini dalam bahasa biasa sebagai kemudahan jua.

Sedekah menurut Al-Qur'an dan Al-Hadits adalah ia menambahkan harta bukan mengurangkan harta. Sedekah adalah ia menolak bala, bukan memanggil bala. Sedekah adalah ia menghapus dosa bagi orang yang berdosa. Sedekah adalah ia menagih doa para malaikat, berkata malaikat : "Ya Allah, ya Tuhan, tambahkanlah lagi harta hamba-Mu yang bersedekah ini. Sedekah adalah ia membawa ke syurga".

Satu contoh yang sangat masyhur ialah riwayat tentang seseorang yang telah bersedekah air kepada seekor anjing yang hampir mati kerana dahaga, lalu Allah telah menilai sedekahnya itu sebagai wajar untuk dibalas dengan syurga. Ini baru sedekah kepada binatang, betapa kalau bersedekah kepada manusia? Kepada fakir miskin? Kepada janda-janda? Kepada anak-anak yatim? Kepada warga emas yang lemah? Kepada orang kurang upaya? Kepada warga Gaza, Palestin? Terutama kanak-kanak mereka yang menurut Bangsa-Bangsa Bersatu sedang berada di tahap bencana kebuluran dahsyat dan lebih 10 kali ganda berisiko mati.

Berdasarkan fadilat sedekah yang demikian itulah, maka Majlis Ilmu pada tahun ini, ingin melihat NBD ditanai dengan sedekah.

Apa erti ditanai? Ditanai ertinya ditatang, atau didukung, atau ditadibir atau diatur dengan sedekah. Ya, NBD adalah negara yang ditanai atau ditatang atau ditadibir atau diatur dengan sedekah.

Apa buktinya?

Buktinya dapat dilihat dari awal sejarah lagi. Di zaman Sultan Brunei Ketiga, Sultan Sharif Ali, baginda itu telah bersedekah dakwah, membawa seluruh rakyat memeluk agama Islam. Ya, baginda tidak bersedekah mata benda tetapi bersedekah lebih dari mata benda, seperti Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri bersedekah dengan menyeru umat manusia kepada Islam. Dengan mengislamkan seluruh rakyat, tidak diragukan lagi Brunei telah beroleh keberkatan luar biasa, keberkatan yang tumbuh dan bertiti dari generasi ke generasi sampai ke hari ini.

Tanpa menafikan jasa raja-raja Brunei yang lain-lain, kita juga patut menyebut dua orang raja Brunei mutakhir, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Brunei Ke-28 dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Brunei Ke-29.

Dua-dua raja ini berjasa besar dalam melakar sejarah gemilang untuk Brunei. Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien adalah perintis Brunei moden. Bagindalah Pengasas Perlembagaan 1959, yang menjadi *turning point* bagi Brunei untuk mencapai kemerdekaan penuh lagi berdaulat. Semasa hayat Al-Marhum,

baginda adalah raja yang sentiasa berhias dengan 'niat suci' untuk rakyat, untuk negara dan untuk agama. Dalam masa pemerintahan baginda, niat suci ini telah disempurnakan dengan sebaik-baiknya tanpa ragu-ragu atau teragak-agak. Salah satu contoh niat suci yang telah dilaksanakan oleh baginda ialah menyangkuti sekalian warga emas di negara ini dengan kurnia sedekah Pencen Tua Bulanan seumur hidup.

Raja mana atau pemimpin mana dalam dunia ini yang teringat dan tergerak hati untuk berlaku ihsan seperti ini? Dan pakar ekonomi mana yang seberani itu untuk menggunakan wang negara hanya bagi tujuan bersedekah kepada rakyat warga emas, sedangkan ekonomi kita pada ketika itu masih sahaja di tahap permulaan. Namun skim kurnia Pencen Tua Bulanan yang berusia hampir mencecah satu abad itu, alhamdulillah, masih sahaja terus dapat dinikmati oleh seluruh warga emas rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia, sampai sekarang.

Kerana masa amat terhad, marilah kita terus sahaja beralih kepada raja kita sekarang. Baginda juga adalah sama sahaja memiliki niat suci untuk rakyat, untuk negara dan untuk agama. Baginda memiliki visi yang sangat jauh untuk negara. Kalau orang lain mungkin susah nampak tetapi baginda nampak. Misalnya untuk mendapatkan berkat dan rahmat serta menjauhkan negara daripada laknat, baginda telah mengislamkan undang-undang dan telah bersedekah amal soleh mengharamkan arak. Ya, ini juga adalah sedekah, bahkan sedekah paling berharga lagi terpuji di sisi Allah, kerana kesannya boleh ditunggu untuk kebaikan dunia dan akhirat. Walaupun mungkin ada pendapat, langkah mengharamkan arak merugikan tetapi Islam kata tidak! Bahkan menguntungkan dan untung itu di sini sebelum lagi ia dijawab di akhirat, di dunia, untung besar sudah boleh kita terima iaitu dengan penghormatan arak, maka negara akan terjamin selamat daripada pelbagai bencana : Bencana berupa penyakit-penyakit atau kemalangan - kemalangan atau kematian-kematian disebabkan arak, sebagaimana Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pernah mengeluarkan kenyataan bahawa pengambilan alkohol (arak) adalah menjadi punca kepada 2.5 juta kematian pada setiap tahun.

Banyak lagi niat suci raja kita dijelmakan jadi kenyataan. Antaranya pintu-pintu subsidi terus dibuka. Pintu-pintu bantuan, pintu-pintu pemedulian dan pintu Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah terus sahaja dibuka tanpa ditutup-tutup. Ya, pada sepanjang hampir 60 tahun pemerintahan raja kita, pintu-pintu ini terus sahaja dibuka. Lalu berkatnya Brunei tetap sahaja makmur, tetap sahaja mampu untuk menyara rakyatnya, tanpa perlu mengambil walau satu sen pun daripada mereka.

Rakyat terus menikmati pendidikan percuma, rakyat terus menikmati perubatan percuma, rakyat terus menikmati pendapatan tanpa diganggu oleh cukai pendapatan (*income tax*). Jika misalnya 5 ribu ringgit gaji sebulan, cukup bulan, 5 ribu ringgit itu tidak luak walau satu sen pun untuk diterima oleh penerimanya. Berbanding di mana-mana, orang, biasanya mengeluh kerana *income tax*. Bukan sahaja rakyat yang berpendapatan rendah mengeluh, bahkan gergasi ekonomi pun juga kadangkala didengar mengelak cukai. Demikian tengkarak cukai.

Alhamdulillah, di Brunei, rakyat masih boleh tersenyum riang kerana tidak diganggu oleh cukai pendapatan (*income tax*). Kita boleh carilah, mana negara di dunia ini yang seperti Brunei.

Ahli ekonomi boleh sahaja berteori bahawa meniadakan cukai pendapatan (*income tax*) adalah merugikan, memberi subsidi-subsidi adalah merugikan, mengurniakan elaun-elaun adalah merugikan, boleh menjejaskan ekonomi negara.

Tetapi Brunei Darussalam tidak cenderung kepada teori seperti ini, malah, Brunei terus sahaja bersedekah, bahkan meningkatkan kadar sedekah dari masa ke semasa, seperti contohnya berlaku kepada kadar Pencen Tua, sejak ia mula diasaskan pada tahun 1955, kadar permulaan ialah sebanyak BND20.

Kemudian beberapa tahun berlalu, kadar itu ditingkatkan kepada BND25. Kemudian beberapa tahun seterusnya kadar itu meningkat lagi kepada BND30. Demikianlah, tahun demi tahun kadar itu meningkat lagi kepada BND50. Kemudian seterusnya BND100, seterusnya BND150, seterusnya BND200 dan hingga tahun 2006 sampai sekarang kadar itu naik kepada BND250.

Sementara elaun bagi Orang-orang Kurang Upaya pula ialah :

- Elaun Orang Buta sebanyak BND250.
- Elaun Bercelaru Mental juga BND250.
- Elaun Penyakit Kusta BND250.

- Elaun Kurang Upaya 15 tahun ke atas BND250.

Elaun Kurang Upaya 15 tahun ke bawah BND150.

Elaun Penyediaan Penjagaan BND250.

Ini semua adalah sedekah. Sedekah kerajaan raja kepada rakyat warga emas dan kepada warga kurang upaya. Kadar-kadar yang disebutkan ini walaupun nampak ianya tidak tinggi, tetapi jangan ia dianggap kurang bermakna, jangan! Kerana ada maksud hadits Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* memberitahu, bahawa sedekah walau ia cuma setampik buah kurma adalah mampu untuk menjadi penyelamat daripada api neraka. *Allahu Akbar!*

Menyebut mengenai kurma ini, pada setiap tahun, menjelang bulan Ramadan umat Islam di negara ini dapat menikmati buah kurma, sedekah atau kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia raja kita. Kadar kurma yang dibahagi-bahagikan kepada orang ramai bukan setampik atau sekilo dua, tetapi 159.5 tan metrik. *Subhanallah!*

Mari sama-sama kita amati bahawa pendekatan kerajaan raja untuk meringankan beban rakyat berupa bentuk kurnia-kurnia atau pemberian-pemberian atau subsidi-subsidi atau elaun-elaun termasuk membebaskan rakyat daripada cukai pendapatan (*income tax*), apakah ini bukan sedekah namanya? Ya, sedekah belaka. Kerajaan raja bersedekah kepada rakyat. Sedekah ertinya pemberian atau sumbangan secara percuma tanpa menghendaki apa-apa balasan. Itulah ia sedekah.

Kerajaan raja di sini tidak minta dibalas. Namun walaupun kerajaan tidak minta dibalas, tetapi Allah tetap berjanji mahu membalas juga. Allah jika berjanji, pasti saja akan mengotakan janjinya itu. FirmanNya dalam Surah az-Zumar, ayat 20, (tafsirnya) : "Allah sekali-kali tidak akan memungkirkan janji".

Berapakah Allah berjanji untuk membalas orang bersedekah itu? Adakah satu dibalas satu? Bukan! Tetapi Allah berjanji firman-Nya dalam Surah al-An'aam, ayat 160, (tafsirnya) : "Barang siapa yang menyumbangkan satu kebajikan (satu sedekah), maka balasan untuknya adalah 10 kebajikan yang sama". Satu, dibalas dengan 10.

Apa buktinya janji Allah ini benar-benar berlaku?

Bukti itu banyak, hanya barangkali ramai yang tidak menyedari. Di antara bukti jelas, pernah berlaku ke atas Sayyidina 'Ali *Karramallahu wajhah*, yang bersedekah sebiji buah delima kepada peminta sedekah yang sedang lapar. Buah delima itu ialah untuk isterinya Sayyidatuna Fathimah yang teringin benar-benar untuk makan buah delima. Sayyidina 'Ali cuma mampu untuk membeli betul-betul sebiji sahaja. Dalam perjalanan pulang dari pasar membawa delima, tiba-tiba muncul peminta sedekah, lalu Sayyidina 'Ali pun menyedekahkan buah delima yang satu-satunya itu. Maka pulanglah beliau dengan tangan kosong tidak dapat menunaikan hajat isterinya untuk makan buah delima.

Dalam keadaan hati masih terkilang kerana tidak dapat menunaikan hajat isteri, tiba-tiba di luar kedengaran orang memberi salam,



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menyampaikan Ceramah Khas dengan tema 'Negara Ditanai Dengan Sedekah' pada Majlis Ilmu 2025 sempena Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang Ke-79 Tahun dengan tajuk 'Negara Brunei Darussalam Ditanai Dengan Sedekah' yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada Khamis, 3 Rabiulakhir 1447 Hijrah / 25 September 2025 Masihi.

iaitu sahabat Salman al-Farisi *Radhiallahu 'anhu*. Salman datang membawa amanah berupa 10 biji buah delima untuk Sayyidina 'Ali daripada seseorang yang tidak dikenali. Siapakah orang yang tidak dikenali itu? Jawabnya tidak pelik, jika Allah berkehendak, orang tersebut ialah Malaikat yang diutus oleh Allah untuk menyampaikan balasan kepada Sayyidina 'Ali yang bersedekah sebiji buah delima dengan Allah membalasnya 10 biji buah delima yang sama.

Nah di sini, tidakkah kita nampak kebenaran ayat Al-Qur'an di atas, iaitu Allah berjanji untuk membalas satu sedekah dengan 10 perkara yang sama? Sebiji delima dibalas dengan 10 biji? Maha Benar Perkataan Allah, Maha Benar JanjiNya.

Perkara seperti ini bukan berlaku kepada Sayyidina 'Ali semata-mata. Malah boleh berlaku kepada siapa sahaja dari kalangan umat Islam hingga hari Kiamat.

Satu lagi contoh lain, sahabat Abdurrahman bin 'Auf *Radhiallahu 'anhu* adalah seorang yang sangat kaya. Keadaannya yang kaya itu menjadikan Sayyidatuna 'Aisyah *Ummul Mu'minin* merasa risau lalu berkata : "Wahai Abdurrahman, saya bimbang, hartamu yang banyak akan melambatkanmu masuk syurga bertemu dengan Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*".

Bertanya Abdurrahman : "Mengapakah begitu wahai Ummul Mu'minin?"

Menjelaskan Aisyah : "Bukankah orang miskin masuk syurga tanpa hisab?"

Maksud orang miskin masuk Syurga tanpa hisab ialah kerana orang miskin tidak ada apa-apa yang akan ditanya mengenai harta. Tidak seperti orang kaya, banyak akan ditanya mengenai harta. Dari mana dapat? Bagaimana dapat? Digunakan untuk apa? Kerana apa? Dan lain-lain lagi.

Mendengar ini, sahabat Abdurrahman berkata : "Wahai Ummul Mu'minin, apakah yang saya boleh buat. Demi Allah, saya tidak pernah menaharta harta saya untuk orang-orang yang meminta dan memerlukan. Tetapi apakah yang dapat saya buat dengan ketentuan Allah? Bahawa apabila pada sebelah pagi saya bersedekah satu dirham, pada sebelah petang Allah menggantinya dengan 10 dirham. Apabila pada sebelah pagi saya bersedekah 10 dirham, pada sebelah petang Allah mengganti dengan 100 dirham. Jadi apakah yang patut saya buat, adakah saya tidak payah lagi bersedekah?"

Demikian dua contoh, berupa pengalaman dua orang sahabat besar ahli syurga menjadi dalil atau bukti yang kuat bahawa sedekah menambahkan harta, bukan mengurangkan harta.

Ya, kerana sedekah, Brunei kita telah meraih keberkatan luar biasa. Berkat bukan dibeli dan juga tidak nampak, yang nampak hanya kesannya sahaja, seperti sedekah satu, dibalas dengan 10, maka 10 itulah kesan berkat.

>> Muka 21

MEMPERKUKUH PENGLIBATAN BELIA, KERJASAMA RENTAS BUDAYA

Siaran Akhbar dan Foto :
Universiti Islam Sultan Sharif Ali



JAKARTA, Isnin, 6 Oktober. - Seramai dua pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam ASEAN Foundation Model ASEAN Meeting

- East Asia Summit 2025 (AFMAM EAS 2025) di Sekretariat ASEAN, Jakarta, Republik Indonesia.

Dayang Amyra Shaira binti Suherdy dan Dayang Nur Sharifatul Huda binti Haji Hamra, mahasiswi

Tahun 5 dari Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanah Bolkiah, UNISSA merupakan peserta yang terpilih untuk mewakili delegasi NBD ke persidangan berkenaan yang

SIMULASI Sesi Penandatanganan East Asia Summit.

berlangsung pada 15 hingga 19 September 2025.

AFMAM EAS adalah sebuah program diplomasi belia anjuran ASEAN Foundation dengan kerjasama Perwakilan Australia, Republik Rakyat China dan Jepun ke ASEAN yang disertai oleh 60 pelajar yang terpilih daripada pelbagai institusi pengajian tinggi di negara-negara yang merupakan Ahli EAS.

Program berkenaan bertujuan untuk memperkukuh penglibatan belia, menggalakkan kerjasama rentas budaya serta memupuk kemahiran peserta dalam perbincangan, rundingan, kepimpinan dan pemikiran kritikal.

Tema program pada tahun ini

adalah khususnya terhadap isu yang berkaitan dengan Offshore Renewable Energy, Disaster Management dan Proliferation of Marine Debris and Pollution.

Program berkenaan juga memberi peluang kepada peserta untuk memainkan peranan sebagai wakil negara ASEAN melalui simulasi interaktif Mesyuarat ASEAN dan EAS termasuk merangka dokumen cadangan dasar.

Dayang Amyra Shaira yang ditugaskan untuk mewakili Thailand bersama rakan pasukan beliau telah dianugerahkan Kertas Strategi Terbaik.

Penyertaan pelajar undang-undang dalam program berkenaan merupakan salah satu komitmen fakulti dalam membina kemahiran pelajar dan melahirkan graduan undang-undang yang mampu mempraktikkan ilmu dalam bidang diplomasi, advokasi dan kerjasama serantau.

Lawatan memperkukuh kefahaman ekosistem halal

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah berjaya menamatkan lawatan akademik dan industri selama lima hari ke Malaysia pada 21 hingga 25 September 2025 yang melibatkan seramai 57 peserta yang terdiri daripada dua pensyarah dan 55 pelajar Sains Halal dari Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan.

Rombongan diketuai oleh Pemangku Timbalan Dekan, Dr. Siti Nur Idayu Haji Matusin.

Sepanjang lawatan, para peserta telah mengunjungi beberapa institusi dan syarikat halal terkemuka seperti Beryl's Chocolate Shop and Museum, Wipro Unza, Management and Science University (MSU), the Malaysia Halal Analysis Centre (MyHAC) JAKIM, Masjid Sri Sendayan dan Sri Nona Food Manufacturing Sdn. Bhd.

Para pelajar juga berpeluang menyaksikan proses pengeluaran halal secara langsung, memahami amalan jaminan kualiti dan inovasi pembungkusan mampan – menjadikan ilmu yang dipelajari di bilik kuliah satu pengalaman nyata.

Para pelajar juga didedahkan kepada keperluan pelabelan baharu dalam Industri Makanan Malaysia melalui bengkel yang



SEPANJANG lawatan, para peserta mengunjungi beberapa institusi dan syarikat halal terkemuka.

dikendalikan oleh Penolong Pengarah Kanan, Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Ts. Nurul Hidayati Mohd Nasir.

Antara pencapaian utama ialah kejayaan pelajar UNISSA yang telah memenangi tempat kedua dan ketiga Pertandingan Poster semasa Simposium Halal Awareness and Wellness (SHaW)

Kali Pertama anjuran MSU, sekaligus menerima pujian daripada penganjur dan pakar industri atas idea dan penyelidikan yang inovatif.

Rakan-rakan strategik yang ditemui turut menyatakan penghargaan dan memuji inisiatif UNISSA serta menyatakan kesediaan untuk meneroka peluang penyelidikan bersama,

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

mobiliti pelajar dan kolaborasi industri pada masa akan datang.

Menurut Dr. Siti Nur Idayu, lawatan ini bukan sahaja memperkayakan ilmu teknikal para pelajar, malah menegaskan komitmen UNISSA dalam memperkukuh kecemerlangan Halalan Thayyiban, seiring aspirasi

Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai hab halal serantau.

Adapun tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memperkukuh kefahaman mengenai ekosistem halal serta memperluas jalinan kerjasama akademik dan industri antara NBD dan Malaysia.

>> Muka 20

Brunei Darussalam negara tercinta, adalah negara yang benar-benar mesra dengan berkat atau berhias dengan berkat. Kita sebutkan di sini satu contoh 'berkat luar biasa' mendatangi Brunei, iaitu mari kita perhatikan Brunei dengan perkara hutang, bahawa The World Economic Forum's Global Competitiveness Report 2008 - 2009 telah mendapati bahawa Brunei Darussalam menduduki tempat teratas sekali dari sudut pengurusan hutang kerajaan, dalam makna, negara ini telah dilihat sebagai bersih atau bebas daripada sebarang hutang awam. *Allahu Akbar!* Betapa luar biasa dan ajaibnya perkara ini. Dalam pada kebanyakan negara di dunia dibelenggu oleh hutang, tetapi Brunei boleh terlepas daripada hutang. Boleh bayangkan, kalau negara berhutang, setakat untuk membayar bunga pun sudah cukup membebaskan malah

menyengsarakan.

Apakah yang boleh kita katakan tentang perkara ini kalau semua itu bukan berkat? Ya, kerana Brunei ditanai dengan sedekah, maka berkat pun mendatangnya berupa pelbagai kebajikan, termasuk yang paling istimewa ialah terlepas daripada belenggu hutang, sedang di mana-mana orang berhutang, dari negara miskin membawa kepada negara sedang membangun malah negara maju, negara gergasi yang kuat, yang hebat, pun juga berhutang, tetapi Brunei yang kecil, walau cuma mempunyai hasil bumi yang terhad, tetapi alhamdulillah, kita terlepas daripada hutang, satu nikmat yang bukan mudah untuk didapati.

Kita menyebut perkara ini bukan dengan tujuan untuk bermegah-megah, sekali-kali bukan! Tetapi kita menyebutnya hanya untuk merista nikmat Allah semata-mata, berdasarkan, Allah sendiri pun juga menyuruh kita untuk menyebut-nyebut

nikmatNya supaya kita bersyukur, firmanNya dalam Surah Adh-Dhuha, ayat 11 (tafsirnya): "Adapun nikmat Tuhanmu itu, hendaklah engkau sebut-sebut ia (dan zahirkan) sebagai tanda bersyukur kepada-Nya".

Kerana raja dan kerajaan telah mendisiplinkan Brunei ditanai atau ditatag dengan sedekah, maka lantaran itu, berkat pun tumbuh di bumi yang bertuah ini: Berkat kemakmuran, berkat keamanan, berkat rakyat hidup bersatu padu dan berkat luar biasa dengan ketentuan Allah, iaitu Brunei terlepas atau bebas daripada musibah hutang. Boleh bayangkan, jika negara berhutang, setakat untuk membayar bunga pun sudah cukup untuk membebaskan malah menyengsarakan.

Para hadirin, marilah kita sama-sama menadah tangan mengikhlaskan doa untuk raja kita:

Allahumma Ya Allah, ya Tuhan kami

mohon, supaya dilanjutkan usia raja kami. Mohon supaya baginda itu terus memimpin kami dengan kepimpinan baginda yang bijaksana. Mohon, supaya dikurniakan kepada baginda kesihatan yang sempurna serta kekuatan yang berpanjangan untuk membawa kami dan negara ke mercu kegemilangan. Ya Allah ya Tuhan kami, mohon, mohon supaya diterima doa kami ini, aamiin, aamiin, aamiin ya Rabbal 'alamin.

وَصَلَّى اللهُ وَسَلَّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

Ampun beribu ampun, sekian sahaja. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung beribu ampun kiranya terdapat sebarang kekhilafan atau suruk langkah yang tidak disengajakan.

Wabillahir Taufiq Walhidayah,
Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

OPERASI WASPADA KESAN PELBAGAI KESALAHAN

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Buruh

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Oktober. - Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Waspada 181/2025 di Kampung Jerudong pada 23 September 2025, bertujuan untuk menguatkuasakan dan memastikan Akta Pekerjaan, Penggal 278 dipatuhi oleh para majikan.

Pemeriksaan ke atas kegiatan kilang membuat ais mendapati sebanyak tujuh kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan, iaitu di bawah Bab 39(2), majikan gagal membayar gaji kerja lebih masa; Bab 64, bekerja pada hari rehat; Bab 65, pekerja bekerja melebihi jam bekerja yang telah ditetapkan; Bab 70, gagal memberikan cuti pada Hari

Kelepasan Awam yang diwartakan; Bab 71, gagal memberikan cuti tahunan; Bab 82, gagal menyediakan kelengkapan pertolongan cemas; dan Bab 112(2), kesalahan melanggar syarat-syarat Lesen Pekerja Asing dengan pekerja asing didapati melakukan pekerjaan tidak selaras dengan jawatan yang dibenarkan.

Siasatan lanjut akan dijalankan bagi kesalahan melanggar Akta Pekerjaan, Penggal 278, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun tidak lebih daripada BND1,000 bagi tiap-tiap kesalahan. Jika gagal membayar denda kompaun berkenaan, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa

memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Akta Pekerjaan, Penggal 278 seperti membayar gaji kerja lebih masa, memberikan cuti rehat sehari dalam seminggu, memberikan cuti pada Hari Kelepasan Awam yang diwartakan, menyediakan alat pertolongan cemas dan pekerja hendaklah diberikan pekerjaan selaras dengan jawatan yang dibenarkan.

Untuk makluman lebih lanjut, bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh menerusi talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

PEMERIKSAAN ke atas kegiatan kilang membuat ais mendapati sebanyak tujuh kesalahan di bawah Akta Pekerjaan, Penggal 278 yang dipercayai dilakukan oleh majikan.



Operasi Panyap JIPK menguatkuasakan Akta, Peraturan Imigresen

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BELAIT, Isnin, 6 Oktober. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Panyap 2025 yang mana menasaskan kepada sebuah bilik sewa pekerja asing di Mukim Liang, Kuala Belait.

Adapun tujuan operasi berkenaan diadakan adalah bagi menguatkuasakan akta dan peraturan yang dipertanggungjawabkan di bawah JIPK termasuk Akta Anti Permerdagangan Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229.

Operasi Panyap 100/2025 menasaskan sebuah bilik sewa pekerja asing di Mukim Liang. Hasil operasi mendapati 12 warga asing telah pun ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Tiga daripadanya dipercayai menyalahi Bab 15 (1) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mereka mansuh manakala sembilan daripadanya adalah ditahan kerana menyalahi Bab 55(4)(a)(b)(c) Akta Imigresen, Penggal 17 setelah gagal untuk mengemukakan sebarang dokumen yang sah dan dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

JIPK turut mengongsikan satu sesi pendakwaan yang telah pun dijalankan di bawah Akta Imigresen, Penggal 17.

Nowaphon Ponthai, seorang perempuan warganegara Thailand berumur 39 tahun dibawa ke mahkamah bagi dua pertuduhan iaitu kesalahan pertama di bawah Bab 3(1)(a) dan (2) Akta Perlindungan bagi Perempuan-perempuan dan Gadis-gadis, Penggal 120 yang membawa kepada hukuman penjara selama lapan bulan.

Manakala itu, kesalahan kedua adalah di bawah Bab 15(1) Akta Imigresen, Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa di negara ini setelah Pas Imigresen mansuh yang membawa kepada hukuman penjara selama enam bulan dan denda sebanyak BND1,000. Kegagalan individu untuk membayar denda berkenaan digantikan dengan hukuman penjara selama satu bulan dan menjadikan jumlah hukuman pemenjaraan individu kepada tujuh bulan.

Individu telah pun mengaku bersalah pada 25 September 2025 dan bagi kedua-dua kesalahan yang dilakukan menjadikan jumlah keseluruhan hukuman pemenjaraan beliau kepada 15 bulan secara berturut-turut. Hukuman dijalankan dan mula berkuat kuasa pada 27 September 2025.

JIPK mengalu-alukan kerjasama orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan pesalah-pesalah imigresen untuk menghubungi terus ke Talian JIPK di +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).



OPERASI Panyap 100/2025 menasaskan sebuah bilik sewa pekerja asing di Mukim Liang.



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Kuih Penyaram Kampung Sungai Sulok, Temburong

BAHAN-BAHANNYA :

1kg tepung gandum
1/2 kilo tepung beras
100g gula apong
1 cawan kecil gula pasir
120ml air (Boleh tambah air lagi jika terlalu pekat)
Minyak untuk menggoreng

CARA-CARA MEMASAK :

Campurkan semua bahan di atas dan biarkan semalaman untuk menghasilkan bunga tepi yang cantik.

Panaskan kuali dan minyak masak. Pastikan api pada kadar yang sederhana.

Satukan bahan - bahan dalam satu bekas dan gaul. Kemudian, masukkan air sedikit demi sedikit, gaul sehati dan adunan tidak berketul-ketul. Jangan terlalu cair.

Siap untuk digoreng.

INDUSTRI RINGAN CHINA MENGEKALKAN PENGEMBANGAN KUKUH DARI 2021 HINGGA 2024




BEIJING, 7 Okt. - Dalam tempoh Rancangan Lima Tahun Ke-14 (2021-2025), industri ringan China berkembang dengan mantap, dengan pengeluaran terus berkembang, menurut Majlis Industri Ringan Kebangsaan China. Pada 2024, China mempunyai 140,000 perusahaan industri ringan melebihi saiz yang ditetapkan, yang menyediakan 17.92 juta pekerjaan. Eksport sektor itu mencecah 925.4 bilion dolar AS, menyumbang 25.9

peratus daripada jumlah nilai eksport negara dan menduduki tempat pertama dalam kalangan semua industri untuk tahun kelima berturut-turut. Struktur industri ringan China sedang dinaik taraf secara berterusan, dengan perkakas pintar, bateri tenaga baharu, basikal elektrik dan segmen baru muncul berkembang pesat, kata Zhang Chonghe, ketua majlis. China menasarkankan untuk

meningkatkan hasil operasi industri ringannya kepada lebih 30 trilion yuan (kira-kira 4.22 trilion dolar A.S.) menjelang 2030, mewakili purata kadar pertumbuhan tahunan sekurang-kurangnya 5 peratus. Bilangan makmal kebangsaan dan pusat penyelidikan kejuruteraan utama dalam sektor itu dijangka melebihi 300 menjelang 2030, manakala paten ciptaan yang sah dijangka berkembang secara

purata 15 peratus setiap tahun, menurut Zhang. - ©XINHUA



SUASANA di bengkel pintar SinceTech, sebuah syarikat tekstil bahan kasut, di Jinjiang, Wilayah Fujian, tenggara China.

Guru Singapura antara pengguna AI paling aktif dalam pendidikan - tinjauan

SINGAPURA, 7 Okt. - Guru-guru di Singapura berada dalam kalangan pengguna paling aktif teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam pendidikan di peringkat global, dengan 75 peratus melaporkan mereka menggunakan teknologi itu untuk mengajar atau menyokong pembelajaran pelajar, menurut satu tinjauan rentas negara yang dikeluarkan pada Selasa, lapor Xinhua. Sebagai perbandingan, purata global mencatatkan hanya 36 peratus, menurut Teaching and Learning International Survey 2024 oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), yang meneliti pelbagai aspek utama profesion perguruan bagi

membantu negara menyemak dasar pendidikan. Guru-guru Singapura juga melaporkan manfaat ketara daripada penggunaan AI, dengan kira-kira 82 peratus menyatakan teknologi itu membantu mereka merangka atau menambah baik rancangan pengajaran, manakala 74 peratus berkata ia memudahkan automasi tugas-tugas pentadbiran. Tinjauan itu melibatkan kira-kira 3,500 guru dan pengetua sekolah menengah dari 145 sekolah menengah awam dan 10 sekolah menengah swasta yang dipilih secara rawak di seluruh Singapura. Selain itu, guru-guru di

Singapura turut berada dalam kelompok tertinggi dunia bagi penggunaan kaedah pengajaran dalam talian dan hibrid, dengan 81 peratus berkhidmat di sekolah yang menawarkan pembelajaran sedemikian dalam tempoh sebulan sebelum tinjauan dijalankan. "Kemunculan pandemik COVID-19 memaksa guru beralih kepada pembelajaran di rumah. Namun sejak itu, guru-guru kami berjaya mengintegrasikan alat digital dalam amalan pengajaran untuk membantu pelajar menjadi lebih berdikari dan berupaya mengurus pembelajaran sendiri," menurut kenyataan Kementerian Pendidikan Singapura. - ©BERNAMA

Polis Thailand buru 10 lelaki rompak kedai emas bernilai 35 juta Baht

NARATHIWAT, 6 Okt. - Polis Thailand sedang memburu sekumpulan 10 lelaki yang dipercayai terlibat dalam kejadian rompakan sebuah kedai emas dan melarikan barang kemas bernilai lebih 35 juta Baht (RM4.5 juta) di sebuah pasar raya di Sungai Kolok di sini, petang Ahad. Ketua Polis Siasatan Wilayah Sempadan Selatan, Mejar Jeneral Polis Chumpol Saksurimongkol, berkata dalam kejadian kira-kira 6.30 petang waktu tempatan itu, kumpulan bersenjata berkenaan telah merompak kedai emas di dalam pasar raya terbabit sebelum melepaskan beberapa das tembakan ke arah anggota tentera

yang bertugas berhampiran. Beliau berkata suspek melarikan lebih sembilan kilogram emas menggunakan dua kenderaan pacuan empat roda yang curi. Menurutnya, siasatan juga menunjukkan seramai 20 suspek dipercayai terlibat dalam jenayah terancang itu, termasuk dalam jenayah rompakan, kecurian kenderaan dan pemasangan bom. "Hasil siasatan awal mendapati kumpulan ini telah merancang jenayah berkenaan dengan teliti, termasuk melibatkan anggota lain untuk memasang bom paku berhampiran pasar raya bagi mengganggu operasi pihak berkuasa," katanya kepada

pemberita selepas melawat lokasi kejadian pada Isnin. Chumpol mengesa orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat diminta tampil membuat laporan kepada polis. "Kami tidak menolak kemungkinan kumpulan ini mempunyai rangkaian yang luas serta berpengalaman dalam melancarkan serangan bersenjata di kawasan sempadan," katanya. Sementara itu, seorang anggota tentera dan seorang orang awam dilaporkan cedera akibat terkena peluru sesat dan telah dihantar ke Hospital Sungai Kolok untuk menerima rawatan. - ©BERNAMA

Lebih 40 peratus mangsa jenayah siber Australia alami serangan berulang

CANBERRA, 6 Okt. - Lebih 40 peratus rakyat Australia yang menjadi sasaran jenayah siber pada 2024 mengalami pelbagai jenis serangan, menurut satu laporan baharu kerajaan, lapor Xinhua. Laporan Jenayah Siber di Australia 2024, yang diterbitkan pada Isnin oleh Institut Kriminologi Australia (AIC), mendapati bahawa 42.1 peratus daripada semua mangsa mengalami lebih daripada satu jenis jenayah siber dalam tahun yang sama. Laporan itu meneliti empat kategori utama jenayah siber iaitu penyalahgunaan dan gangguan dalam talian, perisian hasad, jenayah dan penyalahgunaan identiti, serta penipuan dan skim penipuan dan mendapati 47.4 peratus rakyat Australia melaporkan menjadi mangsa

sekurang-kurangnya satu jenayah siber pada 2024. Penyalahgunaan dan gangguan dalam talian adalah jenis jenayah siber yang paling biasa, menjejaskan 26.8 peratus daripada 10,335 rakyat Australia yang menyertai tinjauan AIC, diikuti oleh jenayah dan penyalahgunaan identiti. Dalam kalangan semua mangsa, 6.6 peratus menjadi mangsa kepada keempat-empat jenis jenayah siber itu. Komander Siber Polis Persekutuan Australia (AFP) Graeme Marshall berkata laporan ini menunjukkan yang pencegahan jenayah siber perlu menjadi amalan harian rakyat Australia dan bukan sekadar usaha sekali-sekala. "Penjenayah siber tidak akan berhenti selepas satu serangan. Jika mereka menemui

kelemahan, sama ada kata laluan yang lemah, perisian lapuk atau e-mel yang digodam, mereka akan kembali berkali-kali, selalunya dengan cara yang berbeza," katanya dalam satu kenyataan. Penipuan dan skim penipuan adalah jenis jenayah siber yang paling kurang berlaku, menjejaskan 9.5 peratus daripada peserta tinjauan pada 2024, tetapi mangsa kategori ini paling terdedah kepada serangan jenis lain. Mangsa yang mengalami tiga atau lebih jenis jenayah siber didapati sekurang-kurangnya tiga kali ganda lebih berisiko mengalami kesan terhadap kesihatan, kewangan dan undang-undang berbanding mangsa yang hanya mengalami satu jenis serangan, menurut laporan itu. - ©BERNAMA

Arab Saudi sahkan semua pemegang visa dibenar tunai umrah

JEDDAH, 6 Okt. - Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi mengesahkan pemegang semua jenis visa boleh menunaikan umrah ketika berada di negara itu, lapor Agensi Berita Saudi (SPA). Kementerian itu memaklumkan langkah terbabit merupakan sebahagian daripada usaha berterusan bagi memudahkan prosedur jemaah umrah dan memperluas akses kepada perkhidmatan sistem Haji dan Umrah, demi menyokong objektif Wawasan Saudi 2030. Menurut kementerian, visa itu termasuk visa lawatan peribadi dan keluarga, visa pelancong elektronik, visa transit, visa kerja dan pelbagai jenis visa lain. Kementerian itu turut menegaskan bahawa langkah itu mencerminkan komitmen berterusan kerajaan untuk memudahkan ketibaan umat Islam dari seluruh dunia bagi menunaikan ibadah mereka dengan mudah dan tenang. Selain itu, kementerian berkenaan memaklumkan bahawa pihaknya baru-baru ini melancarkan platform digital "Nusuk Umrah" bagi memudahkan mereka yang ingin menunaikan umrah secara langsung, membolehkan pengguna memilih pakej sesuai serta mendapatkan permit umrah secara elektronik dengan mudah. Platform digital bersepadu itu juga membolehkan pengguna menempah perkhidmatan dan menetapkan waktu dengan lebih fleksibel, menurut kementerian. - ©BERNAMA

Angka korban runtuh bangunan sekolah agama di Indonesia meningkat kepada 53

JAKARTA, 6 Okt. - Angka kematian akibat runtuh bangunan Sekolah Agama Al Khoziny di Jawa Timur meningkat kepada 53 orang ketika kerja-kerja mencari dan menyelamatkan (SAR) diteruskan hingga malam Ahad, menurut Agensi Mencari dan Menyelamat Nasional Indonesia (Basarnas). Ketua Basarnas Surabaya, Nanang Sigit berkata pasukan SAR menemukan 16 lagi mayat di bawah timbunan runtuh pada hari ketujuh operasi. "Mangsa terperangkap di bawah timbunan konkrit berat, menyebabkan anggota penyelamat terpaksa bertindak dengan penuh berhati-hati. Pasukan perlu mengalihkan runtuh dan memotong rangka logam sebelum mayat mangsa dapat dikeluarkan," katanya pada sidang media. Jentera berat termasuk alat pemecah konkrit dan dua jengkaut digunakan bagi membantu pasukan SAR mencari mangsa yang masih terperangkap. Menurut Agensi Pengurusan Bencana Negara (BNPB), kira-kira 80 peratus timbunan runtuh telah dibersihkan, membolehkan lebih ramai mangsa ditemukan. Seramai 14 orang masih hilang, manakala 104 mangsa yang terselamat telah dikenal pasti dengan enam daripadanya dirawat di unit rawatan rapi, 97 dibenarkan keluar hospital, dan seorang pulang tanpa rawatan, kata Timbalan Ketua Pengurusan Kecemasan BNPB, Budi Irawan. Beliau berkata insiden ini merupakan tragedi runtuh bangunan dengan jumlah korban tertinggi di Indonesia tahun ini, tanpa membabitkan sebarang kejadian bencana alam atau lain-lain. Bangunan empat tingkat berkenaan runtuh Isnin lalu ketika para pekerja sedang menuang konkrit di tingkat atas, menyebabkan pelajar dan pekerja binaan tertimbus di bawah runtuh. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



ELEVE PIRATES RAIH GELARAN KINGS OF THE COURT

■ Siaran Akhbar dan Foto : Fitness Zone

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Oktober. - Kejohanan Bola Tampar Kings of the Court 2025 (The Kings of the Court Volleyball Tournament 2025) menggegarkan Fitness Zone baru-baru ini apabila sembilan pasukan dinamik berentap bagi merebut kejuaraan dalam satu perlawanan hebat yang menonjolkan kecekapan fizikal, kerja berpasukan dan semangat kesukanan.

Acara berkenaan menarik penyertaan ramai pemain, peminat dan penyokong yang datang bersama-sama meraikan semangat serta kecintaan terhadap sukan bola tampar.

Kejohanan berkenaan diserikan dengan kehadiran Pengurus Besar Fitness Zone, Pengiran Farhana binti Pengiran Haji Bujang, yang hadir sebagai penyokong teguh pembangunan sukan dan penyokong kuat komuniti bola tampar tempatan.

Kejohanan diketuai oleh Pengarah Kejohanan, Maria Goretti Frando Tendencia, yang memainkan peranan

penting dalam memastikan kelancaran perjalanan perlawanan serta mengekalkan suasana penuh semangat sepanjang hari.

Lebih daripada sekadar pertandingan, kejohanan ini turut memperlihatkan peningkatan minat terhadap sukan bola tampar dalam kalangan masyarakat setempat serta mengeratkan lagi jalinan ukhuwah antara pasukan dan penyokong.

Pasukan Eleve Pirates muncul juara Kings of the Court 2025 selepas mengharungi beberapa perlawanan sengit. Naib juara disandang oleh pasukan United, manakala pasukan Bintang menduduki tempat ketiga selepas menunjukkan persembahan yang memberangsangkan sepanjang kejohanan.

Penganjur merakamkan penghargaan setinggi-tingginya kepada semua pasukan yang bertanding, pegawai serta penaja yang telah menunjukkan komitmen dan semangat kesukanan yang tinggi.

Kejohanan Kings of the Court sekali lagi membuktikan bahawa bola tampar bukan



PASUKAN Eleve Pirates muncul juara Kejohanan Bola Tampar Kings of the Court 2025.

sekadar sukan – ia adalah simbol berterusan dalam mengejar perpaduan, ketahanan dan usaha kecemerlangan.

JIS anjur Football Funday



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Oktober. - Lebih 90 pasukan yang mewakili pelbagai sekolah dan kelab di negara ini telah menyertai Football Funday anjuran Sekolah Antarabangsa Jerudong (JIS) yang berlangsung di sekolah berkenaan, baru-baru ini.

Acara tahunan ini melibatkan Kategori Umur Dari Bawah 8 Tahun (B8) hingga Bawah 18 Tahun (B18), menarik minat peserta daripada pelbagai institusi pendidikan di negara ini.

Selain pasukan dari JIS, antara sekolah dan institusi pendidikan yang terlibat ialah Chung Ching Middle School, Sekolah DES, Sekolah Hornbill, IBTE Kampus Perniagaan, Sekolah Antarabangsa Brunei, Kolej

SEKITAR aktiviti Football Funday yang dianjurkan oleh Sekolah Antarabangsa Jerudong dan telah melibatkan lebih 90 pasukan yang mewakili pelbagai sekolah dan kelab di negara ini (atas kiri dan kiri).

■ Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Antarabangsa Jerudong

Perniagaan Laksamana, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Islam Antarabangsa Miftah An-Nur, Politeknik Brunei, Pusat Tingkatan Enam Meragang, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Sekolah Menengah Menglait, Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Sekolah Rendah Dato Mohd Yassin, Sekolah Antarabangsa Seri Mulia Sarjana, Sekolah Seri Mulia Sarjana, Sekolah Sukan Brunei Darussalam, Sekolah St. Andrew's dan Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Ketua Pendidikan Jasmani dan Sukan JIS, Hasim Khan menyatakan bahawa Football Funday di JIS bukan sekadar acara sukan, ia adalah satu sambutan komuniti dan jalinan hubungan.

"Dengan menghimpunkan sekolah-sekolah bersama, kami mencipta ruang di mana persahabatan terjalin, semangat berpasukan diperkukuh dan semua orang rasa diterima. Melalui semangat persaingan secara mesra, kita menyatukan orang daripada pelbagai latar belakang untuk berkongsi kegembiraan dalam permainan serta kekuatan perpaduan," jelasnya.

Pelbagai aktiviti turut diadakan

termasuk pameran seni dan kraf oleh usahawan tempatan yang menawarkan aksesori buatan tangan serta dekorasi rumah.

Gerei makanan juga turut tersedia, menawarkan kopi, 'matcha', burger, piza, pencuci mulut dan pelbagai lagi, manakala beberapa gerai disediakan oleh komuniti JIS bagi mengumpul dana untuk inisiatif sekolah seperti Projek Borneo, Penan Support dan Jawatankuasa Komuniti Ibu Bapa JIS (JPCC).

Selain itu, padang gimnasium turut menyediakan Fun Activities and Challenge Stations, yang memberi peluang kepada yang hadir untuk mengambil bahagian dalam pelbagai permainan berkaitan sukan secara percuma bagi memenangi hadiah.

Pengetua Eksekutif JIS, Nicholas Sheehan berkata, Football Funday terus menjadi acara utama dalam kalendar sekolah, yang bukan sahaja menonjolkan semangat para pemain tetapi juga sokongan luar biasa daripada seluruh komuniti.

"Kami berterima kasih kepada setiap pemain, penonton dan penjual yang menyumbang kepada kejayaan acara tahun ini, dan kami menantikan kehadiran semua sekali lagi pada masa akan datang," tambahnya lagi.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

ALLAH MELARANG UMATNYA MENGHINA, MEMPERLEKEHKAN ORANG LAIN